

2010 : UPM 20 TERBAIK ASIA

Oleh: JAMALLEAH HJ ISMAIL (Ph.D)

SERDANG (TP): Apakah Universiti Putra Malaysia (UPM) berupaya melonjakkan tarafnya ke pasada kecemerlangan dan kegemilangan hingga diiktiraf sebagai di antara 20 Institut Pengajian Tinggi (IPT) terulung di rantau Asia dalam bidang pembelajaran dan penyelidikan?

Inilah matlamat dan wawasan UPM yang dikemukakan oleh Naib Canselor barunya, Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie bin Bardae semasa bercakap kepada pemberita selepas Ucapan Perdana sempena 100 hari pentadbirannya.

Zohadie merupakan Naib Canselor keempat UPM setelah dilantik pada 17 April 2001. Majlis ucapan perdana telah diadakan bertujuan untuk menyampaikan amanat penting beliau kepada semua warga universiti mengenai halatuju UPM.

Majlis tersebut yang bertemakan 'Hala Tuju UPM: Jejak-Jejak Kegemilangan' diadakan khas di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Abdul Aziz Shah dan dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan UPM bertujuan memaklumkan Matlamat UPM melalui pelan strategiknya bagi tahun 2001 hingga 2010.

Dengan mengambil ikhtiar kata-kata Saidina Abu Bakar Al-Sidik yang penuh sedar akan kelemahan dan kekuatan seseorang pemimpin, beliau juga sedar hakikat bahawa, "A good leader is a good listener".

Dalam majlis tersebut beliau telah menerangkan secara terperinci 8 matlamat yang mempunyai objektif khusus dalam bentuk yang boleh diukur pencapaian untuk merealisasikan wawasan UPM. Matlamat tersebut merangkumi :

- Melahirkan graduan yang berkualiti; berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran yang berterusan.
- Meningkatkan keupayaan UPM sebagai sebuah pusat pembelajaran dan penjana ilmu dan teknologi pertanian.
- Memantapkan sistem pengurusan berkualiti yang cekap dan

berkesan, telus dan mesra pelanggan;

- Membangunkan sumber manusia dan persekitaran profesional yang cemerlang;
- Membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui e-universiti;
- Menjana dan mengurus sumber kewangan universiti secara cekap dan berkesan; dan
- Meningkatkan kedudukan UPM sebagai Pusat Pembangunan Profesional dan Pendidikan Lanjutan.

Yang paling penting ditekankan semasa ucapan tersebut ialah mengenai pengurangan bilangan pelajar peringkat ijazah pertama. UPM dijangka akan mempunyai 20,000 pelajar peringkat ijazah pertama dan penambahan kepada 10,000 pelajar ijazah lanjutan. Pengurangan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2010.

"Pengurangan ini akan membolehkan UPM memberikan tumpuan yang lebih berkualiti kepada pelajar sesuai kemudahan prasarana, sumber manusia dan persekitaran. Kita berpegang kepada prinsip kualiti adalah lebih baik daripada kuatiti," katanya lagi.

Sambil mengimbau kembali ungkapan-ungkapan pemimpin besar seperti Martin Luther King Junior dan Sir Winston Churchill, beliau mengajak semua warga kampus berusaha keras ke arah mencapai matlamat yang disarankan.

Beliau juga mengajak warga kampus sama-sama berdoa dan bermujat agar UPM menjadi sebuah universiti yang berkembang, berdaya saing, membawa kemajuan kepada manusia dan meneroka lebih banyak penemuan-penemuan baru.

"Penemuan baru akan mendekatkan kita kepada Maha Pencipta," tambah Zohadie yang menggambarkan sifat rendah diri beliau sebagai pemimpin utama di sebuah universiti yang pesat membangun.



Jakuli Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia



ZOHADIE...seorang pemimpin berwawasan jauh

16 PELAJAR UPM HARUMKAN NEGARA

Oleh: MOHD RUSDY HASAN (rusdy@putra.upm.edu.my)

"BERPATAH ARANG BERKERAT ROTAN". Keputusan yang diambil oleh Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyertai Pertandingan Prototaip Traktor berskala $\frac{1}{4}$ di Illinois, Amerika Syarikat baru-baru ini adalah tepat.

Walaupun bukan anugerah dan kemenangan yang dicari tetapi berkait kesungguhan serta iltizam yang tinggi mereka akhirnya dinobatkan sebagai pemenang dua anugerah.

Anugerah pasukan terbaik dari segi kerjasama dan anugerah tempat kedua laman web terbaik sudah memadai untuk mereka bawa pulang merentasi beberapa benua sebagai bukti kejayaan warga Malaysia.

UPM adalah pasukan pertama dari luar Amerika Utara yang menyertai pertandingan anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Amerika Syarikat (ASAE) itu.

Juara keseluruhan dimenangi pasukan dari Universiti Kansas State, diikuti Universiti Tennessee dan Universiti Wisconsin.

Dr Azmi yang juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian berkata pihaknya sudah menubuhkan Tabung Amanah Traktor Berskala $\frac{1}{4}$ untuk mengumpulkan sumbangan daripada pihak industri, syarikat atau individu untuk membolehkan UPM menghantar peserta pada tahun-tahun berikutnya.

Dalam pertandingan tahun ini pasukan Belangtara berjaya mengumpulkan sumbangan dan tajaan daripada Syarikat Sapura Holding sebanyak RM 150,000, Takaful Malaysia (RM 8,000) manakala

bentuk laman web, membina traktor prototaip, serta proses mebawa traktor dan 20 ahli pasukan ke Amerika Syarikat.

Menurut Dr. Azmi sebagai pengurusan pasukan walaupun Belangtara tidak berjaya secara keseluruhan, mereka telah menunjukkan keyakinan yang tinggi untuk bersaing dengan 26 pasukan lain. Pasukan-pasukan tersebut telah membuat persiapan kira-kira 6 bulan awal dan berpengalaman menyertai pertandingan itu sejak dumulakan tiga tahun lalu.


UPM adalah pasukan pertama dari luar Amerika Utara yang menyertai pertandingan anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Amerika Syarikat (ASAE) itu.

Dr Azmi yang juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian berkata pihaknya sudah menubuhkan Tabung Amanah Traktor Berskala $\frac{1}{4}$ untuk mengumpulkan sumbangan daripada pihak industri, syarikat atau individu untuk membolehkan UPM menghantar peserta pada tahun-tahun berikutnya.

Pertandingan yang dikenali Invention/ New Product Exposition (INPEX) yang ke-17 merupakan yang terbesar di Amerika Syarikat.

Ia memberi peluang kepada seluruh pereka cipta di dunia untuk memperkenalkan produk baru dan menjalinkan perhubungan strategik dengan pihak yang berminat untuk pemasaran.

Pada pertandingan tersebut kira-kira 35 negara mengambil bahagian dalam 40 kategori yang



Seorang pelajar membuat demo mengenai cara pengendalian traktor ciptaan pelajar UPM yang memenangi 2 anugerah di Amerika Syarikat - Ehsan BERNAMA

H-Ometer Menang Lagi di USA

Oleh: ABU WAFIQ

DUA penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Husaini Omar dan Ratnasamy Muniandy berjaya mengharumkan nama negara apabila produk ciptaan mereka *H-Ometer* berjaya memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa di Pittsburgh, Amerika Syarikat.

Pertandingan yang dikenali Invention/ New Product Exposition (INPEX) yang ke-17 merupakan yang terbesar di Amerika Syarikat.

Ia memberi peluang kepada seluruh pereka cipta di dunia untuk memperkenalkan produk baru dan menjalinkan perhubungan strategik dengan pihak yang berminat untuk pemasaran.

Pada pertandingan tersebut kira-kira 35 negara mengambil bahagian dalam 40 kategori yang

dipertandingan. Husaini dan Ratnasamy dari UPM merupakan satu-satunya wakil tunggal negaradan penyertaan ini merupakan penyertaan pertama rakyat Malaysia di INPEX.

Produk *H-Ometer* menyertai pertandingan di bawah kategori "Manufacturing". Hanya tiga pingat sahaja dapat dimenangi mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu pingat Emas, Perak dan Gangsa tidak seperti pertandingan yang lain.

Dalam 30 produk yang bersaing dengan *H-Ometer* dalam kategori "manufacturing", produk ini telah terpilih untuk memenangi emas. Manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Taiwan.

H-Ometer sebelum ini pernah memenangi pingat Emas dalam Pertandingan Reka Cipta Antarabangsa 2000, di Geneva, Switzerland.

Antara yang menarik di dalam...

Dilema Naib Canselor - muka 4

300 Pemancing Serang Kolam UPM - muka 5

Teknologi Animasi UPM Bertaraf Dunia - muka 6

UPM Serah Aset 100 Juta pada KUT - muka 8

Fakulti Perhutanan Terima Bangunan RM5 Juta - muka 18

7 Penari UPM Wakili Negara - muka 13

KEMUDAHAN KAMPUS SEIRING ZAMAN




Hashim Aman berucap kepada pelajar baru Sesi Mei 2001/2002 di Dewan Besar, PKSSAAS baru-baru ini.

Oleh: MOHD RUSDY HASAN

Foto: Ahmad Fua'd Alwi

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) sedang berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di dalam kampus Serdang secara berperingkat-peringkat untuk memenuhi kehendak semasa seiring dengan kemajuan negara dan era teknologi maklumat yang mendominasi dunia hari ini.

Hal ini telah dijelaskan oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Hashim Aman ketika berucap pada Majlis



BERJANJI...sebilangan pelajar-pelajar baru membaca ikrar di hadapan Pro Canselor dan Pegawai-pejawai Utama Universiti

Bacaan Ikrar pelajar baru sesi 2001/2002 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Dalam ucapannya itu beliau menyeru pelajar yang berpeluang ke menara gading menggunakan kesempatan ini untuk memberi sumbangan yang penuh makna dalam merealisasikan impian pimpinan negara pada masa akan datang.

"Saya menyeru agar setiap mahasiswa UPM membentuk satu iltizam mereka yang selari dan sekukuh iltizam universiti iaitu mencapai kecemerlangan akademik dan kemanusiaan agar satu

bentuk perkongsian yang bijak dalam ilmu dan kecemerlangan dapat dilaksanakan pada setiap peringkat pendidikan," katanya lagi.

Beliau juga berkata: Era milenium memperlihatkan satu tanda awal bahawa setiap graduan yang dihasilkan perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran.


"Ia penting untuk menjadikan pelajar mampu bersaing pada semua peringkat di pasaran kerjaya nanti," kata Hashim.

Pada majlis itu seramai 4,471 pelajar baru UPM melafazkan ikrar sebagai menandakan secara rasmi bergelar mahasiswa UPM. Sebelum itu mereka mengadakan sesi dialog dan penerangan bersama Majlis Perwakilan Pelajar UPM (MPPUPM).

Semasa berucap juga beliau melahirkan keyakinan jika konsep perkongsian bijak dalam ilmu dan kecemerlangan dapat diaplikasikan maka UPM akan melangkah kehadapan dalam alaf baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pro Canselor Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Ramly Ahmad serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Madya Dr Idris Abdol dan Pegawai-pejawai Utama universiti.

PENGAWAL BERTUGAS 24 JAM



PENGAWAL keselamatan UPM khusuk mendengar taklimat oleh Prof. Madya Dr. Idris Abdol - Foto Ahmad Fua'd Alwi

BAHAGIAN Keselamatan UPM merupakan satu bahagian yang penting untuk menjaga keamanan dan ketenteraman kampus. Ia adalah mata telinga kepada universiti untuk memastikan keselamatan penghuninya sentiasa terkawal.

Hal ini dijelaskan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Prof. Madya Dr. Idris Abdol semasa beliau menyampaikan amanat khas kepada semua pegawai keselamatan UPM di Dewan Taklimat baru-baru ini.

"Pihak keselamatan

UPM bertanggung jawab untuk menjalankan penyuatuasaan terhadap segala peraturan universiti. Sesiapa yang melanggar peraturan universiti semestinya di kenakan tinjakan," katanya lagi.

Dalam pada itu, Dr Idris juga memuji para pegawai keselamatan yang bertugas siang dan malam untuk menjaga universiti daripada perkara-perkara yang tidak di ingini.

"Sebagai contoh kemungkinan para pelajar tidak sedar bahawa Pak Guard bertugas dalam

tempoh 24 jam untuk memastikan minggu orientasi pelajar baru berjalan dengan lancar dan dapat melegakan ibu bapa mereka di rumah," katanya lagi.

Selain itu, Dr Idris juga memberitahu UPM akan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan di dalam kampus. Bandar Kampus Putra sedikit masa lagi akan di pagar keseluruhan untuk memudahkan proses kawalan.

"Satu pelan jangka panjang dan pendek akan di rancang khusus untuk keselamatan kampus. Ia bertujuan untuk menyuaikan dengan keadaan semasa kerana sekaran ini berlaku pertambahan pelajar. Faktor seperti ini harus diambil kira," katanya lagi.

Pada majlis itu pelbagai persoalan telah dikemukakan oleh pengawal keselamatan UPM yang berkaitan dengan isu semasa kampus dan ke arah mempertingkatkan lagi profesionalisme pengawal keselamatan.-ABU WAIFIQ

Pelantikan Makhdzir Satu Kejutan

Oleh: MOHD RUSDY HASAN

SERDANG (TP): Pelbagai spekulasi mengenai pelantikan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) universiti ini akhirnya terjawab apabila Profesor Madya Dr Makhdzir Mardan diumumkan sebagai penyandang jawatan itu.

Jawatan nombor dua UPM itu telah dikoisangkan selama tiga bulan setelah bekas TNC (Pembangunan) Profesor Dr. Abdul Rahman Md Aroff menamatkan perkhidmatan (bersara) pada Mei lepas.

Prof. Madya Dr Makhdzir bin Mardan telah dipilih sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) yang baru berkuatkuasa 1 Jun 2001. Pelantikan beliau adalah untuk tempoh tiga tahun dan dijangka tamat pada 31 Mei 2004.

Dr Makhdzir yang sebelum ini adalah Pengarah Institut Multimedia dan Persian (IMP) UPM merupakan seorang yang bertang-

gung jawab dalam merancang dan memantapkan usaha universiti untuk muncul sebagai sebuah universiti digital.

Beliau sekarang ini melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik yang berteraskan bidang multimedia telah banyak membantu menjana aktiviti universiti terutama dalam pembangunan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT).

Anak kelahiran Muar, Johor ini juga banyak terlibat dengan bidang pemeliharaan lebah dan pendebungan malah beliau seorang pakar dalam bidang tersebut.

Semasa mengulas mengenai pelantikan tersebut Dr Makhdzir berkata seperti mana-mana universiti tempatan kini UPM menghadapi pelbagai cabaran akibat perubahan global terhadap sektor pendidikan dunia.

"Pertandingan dengan universiti luar negeri dan juga IPTS maka saya merasakan bahawa ini suatu tanggung jawab saya untuk membantu kepimpinan



Dr. Makhdzir Mardan

Naib Canselor untuk menghadapi cabaran ini sebagai suatu pasukan,"

"Saya percaya jika UPM dapat mengatur strategi yang teratur dan sistematis Insya Allah UPM boleh menjadi universiti 20 teratas di Asia seperti visi UPM bagi tempoh 2010," tambahnya dengan penuh harapan.

Menurut sumber yang boleh dipercayai sebelum ini Dr Makhdzir pernah menolak tawaran pangkat dan gaji yang lebih lumayan semata-mata ingin berkhidmat dengan UPM dan memberi sumbangan dalam pembangunan bidang IT dan multimedia di kampus ini.

4 PROJEK FPP TINGKATKAN MINAT MEMBACA

FAKULTI Pengajian Pendidikan (FPP) menggerakkan empat projek utama untuk meningkatkan minat dan budaya membaca di kalangan pelajar serta masyarakat.

Perkara ini diumumkan oleh Dekan FPP, Prof Madya Dr Kamariah Abu Bakar semasa berucap pada Majlis Penyerahan Khazanah Ilmu kepada wakil anak-anak Kem Wardieburn dan asrama anak yatim Darul Izzah.

Katanya FPP menggerakkan kumpulan pertama yang dikenali Iqra' Dot Com. Kumpulan ini bertanggung jawab menyediakan bahan-bahan bacaan dan aktiviti pembacaan melalui laman web.

Laman web ini membolehkan para pelajar membuat capaian dan terlibat secara interaktif dalam pembacaan mereka.

Manakala kumpulan kedua yang diberitahu oleh Dr Kamariah ialah

Taman Ilmu. Katanya kumpulan ini bertanggung jawab membangunkan pengetahuan keluarga (k-family) mengenai hal-hal yang berkaitan.

"Pakar-pakar ini telah mengadakan sesi kaunseling dengan pelajar serta ibu bapa bagi membantu meningkatkan budaya membaca di kalangan ahli keluarga," kata Dr Kamariah merujuk kepada kumpulan yang terdiri daripada pakar kaunseling itu.

Selain itu, beliau tidak menafikan untuk menjadi pembaca yang sihat ia perlu memiliki fizikal yang juga sihat. Dengan itu fakulti tersebut telah menubuhkan kumpulan yang terdiri daripada pakar pendidikan jasmani.

Mereka ini turut memberi sumbangan dalam mempertingkatkan kecerdasan mental dan fizikal pelajar melalui aktiviti riadah dan rekreasi.



Dr. Kamariah Abu Bakar

Seterusnya kumpulan terakhir menurut Dr Kamariah ialah *The Read Rangers*. Kumpulan yang mirip kepada pasukan beruniform ini menjalankan aktiviti yang berteraskan konsep pembacaan.

The Read Rangers akan dijadikan satu pertubuhan yang menjadi tempat rujukan untuk pelajar-pelajar yang terlibat secara aktif dan dalam masa yang sama memupuk disiplin serta adab membaca di kalangan mereka," jelas Dr Kamariah. - HM RUSDY

SUMBANGAN BUKU AMAT BERMAKNA - DEKAN FPP



Dr. Kamariah memperkatakan sesuatu kepada pelajar dan pegawai keselamatan tentang buku yang didermakan oleh fakulti - Foto Ahmad Fua'd Alwi

SERDANG: Seperti aur dengan tebing itulah ibarat kata pepatah mengenai hubungan erat antara universiti dan masyarakat. Hubungan ini bukan sahaja sekadar hubungan azali tetapi ia harus diteruskan untuk memberi manfaat diantara kedua-dua belah pihak.

Sebagai satu usaha ke arah itu Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) mengadakan Majlis Penyampaian Khazanah Ilmu kepada anak-anak Kem

Wardieburn dan anak yatim dari asrama Darul Izzah, Bangi.

Majlis yang berlangsung bertempat di Bilik Sidang, fakulti itu baru-baru ini di sempurnakan oleh Dekan, Prof Madya Dr Kamariah Abu Bakar.

Semasa berucap dalam majlis tersebut Dr Kamariah memberitahu Fakulti Pengajian Pendidikan sedia berkerjasama dengan semua pihak sama ada dalam atau luar kampus bagi merangka program yang berbentuk pen-

didikan demi merealisasikan misi pendidikan negara.

"Bertemakan dari fakulti untuk komuniti majlis ini bertujuan untuk meneruskan usaha fakulti dalam membentuk budaya ilmu khususnya melalui pemupukan budaya membaca di kalangan pelajar; kata Dr Kamariah.

Selain itu katanya pihak fakulti menggunakan pendekatan seperti ini untuk memberi ruang dan mencetuskan minat anak-anak di Kem Wardieburn dan Darul Izzah untuk menjadikan budaya membaca sebagai satu keperluan dalam hidup mereka.

Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Bakti Ehsan (YPBE). Sebanyak kira-kira 500 buah buku pelbagai judul hasil penerbitan pensyarah fakulti telah didermakan kepada kedua-dua pihak berkenaan.

Institut Biosains Anjur Kursus Akuakultur

Oleh: MOHD RUSDY HASAN

SERDANG: Pusat Teknologi Sumber Akuatik, Institut Biosains mengadakan Kursus Asas Akuakultur bertempat di Dewan Kuliah berhampiran Fakulti Perubatan Veterinar baru-baru ini.

Kursus selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Pengarah Institut Biosains, Prof Dr Abdul Rani Bahaman.

Menurut Prof. Rani bidang akuakultur adalah satu industri yang menarik untuk diceburi. Industri ini katanya bakal menghasilkan peningkatan mendadak kepada mereka yang menceburinya pada masa-masa akan datang.

"Negara kita mengimport kira-kira 80 peratus daging dan makanan mentah termasuk ikan dari luar. Kemajuan dalam bidang ini membolehkan negara pada masa depan tidak bergantung lagi kepada sumber import tersebut," katanya semasa berucap pada majlis perasmian itu.

Kursus ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya kepada peternak mengenai aspek-aspek penting dalam bidang akuakultur. Di samping itu melalui kursus ini para peserta boleh mempelajari bagaimana kaedah untuk menjadi usahawan yang sering melanda ternakan.



Para peserta kursus bergambar kenangan bersama Pengarah Institut Biosains, Profesor Dr. Abdul Rani Bahaman selepas majlis Pelancaran kursus - Foto: Ahmad Fua'd Alwi

dang akuakultur.

Dalam kursus ini para peserta diajar mengenai selok belok pembinaan dan pengurusan kolam ternakan, biologi dan pemakanan, pengurusan kualiti air untuk spesies ternakan dan pengenalan kepada penyakit yang sering melanda ternakan.

Turut dibincangkan

dalam kursus tersebut ialah mengenai soal pemasaran dan hal-hal berkaitan dengan pinjaman untuk menjalankan perniagaan ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pusat Teknologi Sumber Akuatik Dr Che Roos Said dan beberapa pegawai pusat.

Kerja Menaiktaraf Jalan Persiaran Masjid

UNIVERSITI Putra Malaysia sedang giat melaksanakan beberapa projek pembangunan di dalam Bandar Kampung Putra. Menurut sumber Bahagian Pembangunan, projek yang tebaru dangat dilaksanakan sekarang ialah menaiktaraf Jalan Persiaran Masjid, jalan pintas ke Sri Serdang dan selekoh masuk ke Kolej 10 dan Kolej 11.

Projek yang bermula semenjak Mei baru-baru ini dijangka siap pada 12 September 2001. Bahagian Pembangunan menasihati pengguna-pengguna laluan tersebut supaya mematuhi arahan pengawal trafik dan memerhatikan papantanda yang disediakan.

Bagi jemaah yang menuaikan solat Jumaat diingatkan memastikan keselamatan kenderaan yang diletakkan disepanjang jalan. Di samping itu kedudukan kenderaan mestilah tidak menghalang laluan pengguna lain.

Kerjasama ini sangatlah diharapkan bagi melicinkan kerja-kerja menaiktaraf jalan berjalan lancar.



Terminal Ketua Pengarang

15 Julai 2001 • Bil. 27

KECEMERLANGAN SEJATI

Konvokesyen tiba lagi. Kampus Universiti Putra Malaysia diselubungi keceriaan dan kegembiraan. Inilah saat yang sangat dinantikan oleh semua pelajar yang sudah tamat pengajian mereka. Ibu bapa kepada para graduan turut gembira meraikan kejayaan anak mereka menerima segulung Diploma atau Ijazah di suatu majlis Konvokesyen yang sungguh gemilang. Majlis ini merupakan satu pengiktirafan kepada kejayaan pelajar menimba ilmu dalam bidang yang mereka pilih untuk belajar.

Selepas detik ini para graduan akan memulakan langkah pertama menghadapi dunia luar untuk berbakti kepada masyarakat dan negara. Negara meletakkan harapan yang sangat tinggi pada golongan ini kerana mereka adalah pelapis kepimpinan yang sama ada akan membawa kepada kemakmuran atau kehancuran negara.

Acuan pendidikan negara sudah tentulah kearah kemakmuran negara yang berkonseptan falsafah membentuk pelajar yang menyeluruh dari segi kestabilan dan kemantapan rohani, jasmani, emosi dan intelek. Pelajar perlulah insaf bahawa sistem pendidikan yang diasaskan adalah untuk menyiapkan pelajar menghadapi masa hadapan. Pemikiran pelajar haruslah difokuskan untuk menyiapkan diri menghadapi masa depan dan bukannya mengharapkan masa hadapan disajikan kepada mereka oleh sistem dan kepemimpinan pendidikan.

Dalam konteks persiapan untuk masa hadapan ini, pelajar dibekalkan dengan benteng pertahanan dan semangat jati diri yang kental yang tidak kenal putus asa dalam menempuh masa hadapan era globalisasi dan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat yang sungguh mencabar.

Peranan institusi pengajian tinggi adalah untuk menyahut dan merealisasikan seruan ini demi melahirkan para graduan yang serba boleh dan serba tahu dalam zaman ekonomi berasaskan pengetahuan. Pelajar yang bijak adalah pelajar yang tidak ketinggalan mengambil peluang melibatkan diri dalam aktiviti yang menjurus mereka untuk membuat persiapan ini. Universiti Putra Malaysia adalah taman ilmu yang sungguh unik dan indah.

Respi kearah persiapan ini disajikan di kampus, umpamanya di Kolej kediaman dengan sistem kolegiatnya di mana pelajar-pelajar luar kampus juga tidak dipinggirkan dalam pembentukan insan sejati harapan negara.

Pelajar perlulah merebut peluang yang ada di kampus untuk membina diri dengan penglibatan dalam aktiviti sampingan seperti kepemimpinan, komunikasi, pengurusan organisasi, kekeluargaan yang bermanfaat sebagai ilmu pelengkap semasa menuntut tanpa mengeneppikan ilmu akademik dalam bidang kepakaran masing-masing.

Usaha ke arah ini adalah usaha bersama semua warga kampus kerana kecemerlangan pelajar adalah tanggungjawab bersama. Pensyarah dan pentadbiran kampus juga perlu dilengkapi dengan ilmu yang membawa kepada penghasilan pelajar yang cemerlang.

Matlamat bersama ini akan berjaya jika kita insaf dan sedar mengapa kita dipilih oleh Tuhan untuk berkhidmat kepada negara di Universiti Putra Malaysia dalam institusi pengajian tinggi yang umpama pusat pengeluaran manusia yang akan berbuat baik dan memakmurkan agama, bangsa dan negara.

Terlebih dahulu marilah kita terapkan sikap kasih-sayang, rindu, asyik dan seronok kepada ilmu, pelajar, pensyarah, pentadbiran, pemimpin dan sistem pendidikan dalam konteks pencarian dan penerapan ilmu kerana ia membawa kepada kecemerlangan sejati.

CABARAN NAIB CANSELOR

OLEH YUSOF AHMAD

Berdiri di puncak memang mengagumkan maklumlah dikelilingi dengan keindahan panorama apatah lagi dalam keadaan cuaca yang terang menderang. Kita juga berasa kagum dengan kehebatan orang yang boleh sampai ke puncak.

Begitulah kagumnya staf Universiti Putra Malaysia ketika diumumkan bahawa Profesor Dato' Dr. Mohd. Zohadie Bardiae menjadi peneraju keempat Universiti. Keriangan memancar dari muka Profesor Dato' Zohadie tetapi di sebalik senyuman keriangan itu wujud tanggungjawab yang besar dan berat untuk merealisasikan amanah rakyat dan negara.

Beliau tahu bahawa *glamour* digelar Naib Canselor akan bertahan beberapa ketika sahaja. Komuniti universiti akan menilai beliau dari aspek ketajaman minda, kepimpinan, kewibawaan, dedikasi, keberanian, *compassion* serta keiltizamannya untuk membawa Universiti Putra Malaysia ke mercu kegemilangan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Apabila debu-debu keriangan dan kegembiraan sidang ke bumi, Naib Canselor baru Universiti Putra Malaysia akan menghadapi realiti sebagai peneraju sebuah universiti.

Ia akan berhadapan dengan berbagai-bagai isu bukan sahaja yang berkaitan dengan pendidikan tinggi, tetapi juga dengan kehendak politik, kehendak kementerian, kehendak staf dan pelajar yang tidak ada terminalnya.

Malah seorang ahli psikologi berkata bahawa kehidupan adalah perjalanan menyelesaikan masalah serta perjalanan membuat pilihan (*a journey of solving problems and a journey of making choices*).

Apakah masalah yang akan dihadapi oleh Naib Canselor baru dalam menerajui Universiti Putra Malaysia ke arah kecemerlangan universiti dan seterusnya membawa universiti menjadi Numero Uno di Malaysia dan di rantau ini?

Apakah rintangan yang akan menghalang beliau terbang seperti helang? Apakah alternatif-alternatif yang ada padanya untuk membuat pilihan yang tepat dan efektif (*right and effective selection*)?

TIGA persoalan utama yang memerlukan jawapan ialah:-

- Apakah perancangan yang perlu dibuat dan tindakan yang perlu diambil untuk menjamin Universiti Putra Malaysia berkembang dengan subur selari dengan konsep universiti sebagai latihan minda, pembangunan bakat dan komuniti skolar (*training of the minds, development of talent, and a community of scholars*)?
- Bagaimanakah Naib Canselor hendak mendapatkan komitmen seluruh organisasi Universiti Putra Malaysia terhadap rancangan-rancangannya?
- Bagaimanakah ia hendak mengurangkan rintangan (*minimize resistance*) dari berbagai lapisan komuniti universiti terhadap perubahan yang mahu dibawanya?

Tetapi persoalan yang paling sukar hendak dijawab bukan sahaja oleh Naib Canselor, tetapi oleh sesiapa sahaja yang baru dilantik ke jawatan CEO ialah “**Where do I start?**” Di sinilah bermulanya **dilema** Naib Canselor.

Adalah lebih mudah merekabentuk sebuah bangunan yang baru yang boleh dibentuk berasaskan kemahuan dan keperluan kita, tetapi amatlah sukar hendak mengubahsuai bangunan yang sudah siap dibina, kerana kita akan terkongkong dengan plan, matlamat, struktur, tiang-tiang serta ruang-ruang

bangunan yang sedia ada. Minda akan terkongkong dan terperangkap dalam situasi yang ada di hadapan.

Pengurusan universiti adalah kompleks dan ia menjadi semakin kompleks apabila kepentingan komuniti skolar (academia) seringkali bercanggah dengan kepentingan pengurusan.

Profesor Dato' Zohadie yang pernah memperjuangkan hak dan kepentingan golongan academia semasa beliau menjadi Pensyarah, Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti kini berperanan sebagai CEO yang dimestikan memperjuang hak dan kepentingan **SEMUA** anggota komuniti universiti.

Bagaimanakah ia mengimbangkan kedua-dua kepentingan ini dan mencari jalan kompromi supaya dapat diwujudkan situasi ‘win-win’ dan tidak situasi ‘win-loose’ atau ‘loose-win’. Juga akan timbul persoalan: Adakah kompromi satu jalan penyelesaian yang baik dan efektif?

Kompromi kadangkalanya tidak menguntungkan sesiapa. Bagaimana jika kompromi tidak dapat dilakukan atau kompromi tidak boleh digunakan sebagai alat penyelesaian masalah? Dalam keadaan begini, keputusan yang dibuatnya hanya melahirkan satu pihak menang dan satu pihak kalah.

Bagaimanakah ia menguruskan permintaan dan desakan anggota fakulti – yang dahulu sahabat karibnya – supaya keputusan yang dibuatnya tidak dilihat oleh komuniti universiti sebagai keputusan yang berat sebelah yang berasaskan **favouritism** dan **cronyism**?

(Bersambung di muka 11)

Badan Penerbitan

PENGURUSAN

Prof. Dr. Muhamad Awang
(Pengurus)

Prof. Dr. Shaik Mohd. Noor Alam S.M Hussein
(Pengawal Penerbitan)
Puan Sumangala Pillai
(Pengurus Penerbitan)
Puan Chek Zan Kasah
(Pengurus Pentadbiran)

Prof. Madya Dr. Hjh. Jamalleah Hj. Ismail
(Ex-Officio)

SIDANG PENGARANG

Prof. Madya Dr. Hjh. Jamalleah Hj. Ismail
(Ketua Pengarang)
Prof. Madya Dr. Sidek Hj. Ab. Aziz
(Timbalan Ketua Pengarang & Edisi Digital)

PENGARANG-PENGARANG

En. Mohd Rusdy Hasan
(Editor)
Prof. Madya Dr. Hj. Salleh Hj. Hassan
(Penyelaras Penulisan)
Prof. Madya Dr. Jasni bin Sabri
Prof. Madya Dr. Mohamed Zakaria Hussin
En. Zainal Abdul Kadir
(Edisi Digital)

JURUFOTO

En. Ahmad Fu'a'd Alwi

REKABENTUK DAN REKALETAK

Pn. Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim

Al Kisah Khabarnya ...

bersama.putra@tribun-putra.upm.edu.my

GANDINGAN MANTAP

Putra mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang baru dinaikkan pangkat, baik di peringkat Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut atau di peringkat atasan. Sesungguhnya semua itu adalah amanah dan tanggungjawab yang perlu dihadapi bagi memastikan segala urusan akan dilaksanakan dengan penuh kesungguhan, keikhlasan dan kesabaran. Apa yang penting kita semua mestilah memberi kerjasama yang erat bagi memastikan falsafah universiti telah dihayati dan misi universiti dapat dicapai dengan jaya dan cemerlang. Putra percaya gandingan lama dan baru akan memantapkan lagi kesinambungan kecemerlangan Universiti Putra Malaysia dalam semua bidang.

Putra .. Syabas dan tahniah kepada semua.

VANDALISME DI IPTA

Ditengah –tengah kerancakan pembangunan di Bandar Kampus Putra, terdapat beberapa kejadian yang sepatutnya tidak berlaku di kampus hijau. Putra agak si pelaku tersebut merupakan insan-insan yang tidak bertanggung jawab yang hanya mementingkan diri sendiri. Masakan tidak, telefon yang agak penting bagi tujuan komunikasi disalahgunakan sehingga terdapat set-set telefon yang tidak bergagang lagi. Pasti akan menyusahkan orang lain. Mungkin juga si pelaku telah mempunyai telefon bimbit. Namun begitu, janganlah menyusahkan orang lain walaupun kita tidak menggunakan kemudahan tersebut.

Putra ... Sekali ditekankan, Jangan menyusahkan orang lain...

ANTARA ILMU DAN SEGULUNG IJAZAH

Musim konvo hampir tiba iaitu dalam bulan Julai dan Ogos tahun ini. Sebalik keriangan bakal-bakal graduan, pastinya adik-adik yang sedang berusaha dengan tekun di Bandar Kampus Putra berangan agar suatu masa nanti mereka juga akan bergelar bakal-bakal graduan. Namun antara ilmu dan segulung ijazah menjadi satu persoalan yang menarik untuk dibicarakan. Putra dapat rata-rata pelajar hanya menuntut ilmu untuk peperiksaan semata. Ilmu yang diajar oleh para sarjana sepatutnya dihayati dan dipraktikkan dimana jua keadaan. Jangan hanya diingati dalam tempoh satu semester sahaja, kerana ilmu pengetahuan itu sebenarnya merupakan satu proses kesinambungan pengalaman seharian baik di bilik kuliah maupun diluar yang pasti dihadapi sepanjang kehidupan ini.

Putra ... ilmulah penyuluhan dan penggerak kehidupan sejati...

PELAJAR BERTALI LEHER?

Beberapa pegawai akademik menyatakan rasa puas hati mereka apabila mendapati para pelajarnya berpakaian kemas sewaktu menghadiri kuliah. Apakah lagi para pelajar lelaki kelihatan begitu kacak memakai tali leher bagi menunjukkan ciri-ciri pelajar sebenar. Pastinya para pensyarah tentulah kurang selesa apabila para pelajarnya kelihatan selekeh dan tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh pihak HEP. Namun begitu isunya, adakah perlu diwajibkan kepada semua pelajar dan pegawai sepertimana dibeberapa buah IPTA yang lain?

Putra ... sentiasa berpakaian kemas, dulu, kini dan selamanya.

300 PEMANCING SERANG KOLAM UPM



Pemenang-pemenang pertandingan bersama hadiah serta hasil tangkapan masing-masing

Hujan lebat diawal pagi tidak menghalang semangat pemancing untuk sama-sama memeriahkan pertandingan memancing Juara Joran 2001 di Kolam Bukit Ekspo UPM, Serdang. Sebanyak 300 peserta bertanding dalam pertandingan yang berkonsepkan 20 spesies ini. 15 spesies ikan berjaya ditewaskan manakala lima yang lain tidak berjaya dinaikkan termasuklah siakap, tapah, tilapia merah, bujuk dan kaloi.

Mohd Zulshukri Hassan muncul juara Kategori Ikan Jelawat dengan berat ikan 2.910 kg sekaligus layak membawa pulang wang tunai RM500 serta hadiah irigan sumbang UPM.

Pemenang lain ialah Ahmad Rizuan A. Aziz (tongsan 4.885 kg), Ahmad Tajuddin Salleh (kap

rumput 6.675 kg), Abdulrah Mustafa (pacu 3.350 kg), Shaiful Amri Mohd Sarip (belida 200 gram / baung 1.555 kg), Muhammad Zubir (rohu 4.105 kg), Rusman Latif patin (5.020 kg), Ahmad Fauzi Hamidun (keli 480 gram), Zaidi Sariman (ketutu 625 gram) Mohd Faudzi Abdul Rahman (haruan 290 gram), Nazri Simoh (tilapia hitam 790 gram), Nor Azlan Husin (lampam 1.275 kg), Azman Hassan (lee koh 2.225 kg) dan Mohd Amiza Awaludin (udang galah 150 gram).

Pemenang kedua setiap spesies menerima hadiah berupa hamper dan cenderahati sumbangan UPM. Menurut ketua pengurus projek Juara Joran 2001, En. Rozihan Mohamed, penyertaan dari peserta agak membanggakan walaupun ini

merupakan kali pertama Kelab Sosial dan Kebajikan Institut Biosains (KESIB) UPM mengajukan pertandingan memancing.

"Jika cuaca baik, mungkin penyertaan lebih menggalakkan. Pihak kami juga amat berbangga dengan kehadiran peserta yang sanggup datang jauh dari Lembah Klang untuk sama-sama menyertai pertandingan ini," katanya.

Pada hari yang sama, telah berlangsung pertandingan memancing untuk kanak-kanak dimana lebih 50 peserta bertanding untuk kategori ikan terbanyak. Pemenang ialah Mohd Azman dengan memperolehi 4 ekor ikan, Mohd Faiz Ezwan (4), Mohd Azizi Abd Aziz (3), Mohd Fuad (3) dan Mohd Zulkhairi (3).

Gelagat lucu guru Sekolah Sri Kuala Lumpur, Yeong Siong Sin yang terjatuh ke dalam kolam sewaktu bertarung dengan ikan telah berjaya memikat hati juri untuk memilihnya sebagai Peserta Paling Malang sekaligus meraih hadiah misteri bagi Kategori Dewasa. Manakala bagi Kategori Kanak-kanak, hadiah misteri dimenangi oleh Ahmad Farhan Ahmad Razei kerana berjaya memancing kijing.

Selain hadiah yang dipertandingkan, sebanyak 10 hamper diberikan kepada peserta dalam acara cabutan bertuah yang diadakan sewaktu penyampaian hadiah.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarah Taman Penyelidikan Universiti, UPM, Prof. Dr. Jinap Selamat yang menwakili Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ir. Mohd. Zohadie Bardiae, Ketua Pusat Produk Semulajadi dan Analitikal, Prof. Dr. Md. Nordin Lajis dan juga Ketua Pusat Teknologi Sumber Akuitik, Dr Che Roos Saad.

Hamper-hamper diberikan oleh Maggi, F.A. Premier Auto Land, Ryan Enterprise, Jejak Juta Enterprise, Carecool Enterprise, Minolta Marketing, Yuszam Enterprise, Straits Scientific Sdn. Bhd., Lab Companion, Amersham Pharmacist Biotech, Sci-Med Technologies, May Enterprise dan Siti Tex.

Syabas & Tahniah

Kepada Naib Canselor UPM di atas Ucapan Perdana yang sangat Jitu dan Berwawasan

Dari pada

Ahli Jawatankuasa Penerbitan Tribun Putra

TEKNOLOGI ANIMASI UPM BERTARAF DUNIA

....bakal hasilkan siri TV animasi 3D

Oleh ZAINAL ABDUL KADIR Foto Ahmad Fua'd Alwi

Percayakah anda, suatu hari nanti Universiti Putra Malaysia (UPM) mampu menghasilkan filem animasi seperti *Bugs Life*, *Antz*, *Toy Story*, *Beastwars*, *Shadow Rider*?

Ini tidak mustahil, kerana sekumpulan tenaga pakar di Institut Multimedia dan Perisian (IMP), UPM sedang berusaha menghasilkan siri televisyen animasi 3D menggunakan teknologi komputer.

Teknologi ini dikenali sebagai *CGI* (*Computer Generated Image*). Teknologi inilah yang merupakan tunjang kekuatan kebanyakan filem atau siri televisyen yang berunsurkan 3D. Malah tahun 2001 ini sahaja, teknologi CGI digunakan dalam pembikinan filem *Mummy The Return*, *Shrek*, *Final Fantasy*, *Tomraider*, *Jurasic Park III* dan lain-lain yang akan ditayangkan di pawagam seluruh negara tidak lama lagi.



Sebahagian staf IMP sedang tekun mengendalikan peralatan

Tenaga pakar IMP ini diketuai oleh Encik Harun Jantrik, seorang Jurutera Multimedia yang berpengalaman dalam 3D. Menurut Encik Harun, anggaran perbelanjaan pembelian peralatan sahaja menjangkau RM 5 juta.

Peralatan seperti *Motion Capture*, *SGI workstation*, sistem penyunting *non-linear* dan pengimbas 3D merupakan teknologi komputer yang digunakan dalam pembikinan siri televisyen dan filem.

"Pihak IMP terpaksa berbelanja besar bagi memenuhi kehendak dan keperluan bidang penyiaran masa kini terutamanya bagi penghasilan cerita televisyen. Ini menjadikan projek penghasilan siri televisyen animasi 3D sebanyak 13 episod yang




MOTION CAPTURE..untuk membuat pergerakan pada sesuatu karektor animasi

sedang diusahakan begitu mahal kos pembikinannya," kata Encik Harun menjelaskan kenapa kos pembelian peralatan terlalu eksklusif.

Beliau menerangkan bahawa peralatan *Motion Capture* memudahkan kerja para animator untuk membuat animasi atau pergerakan pada sesuatu karektor

atau watak 3D ber-dasarkan pergerakan manusia sebenar, malah pergerakannya lebih realistik



Sebahagian pelajar yang mengikuti skim latihan di IMP

dan tidak kaku.

Namun, idea pembelian teknologi CGI ini tercetus daripada Pengarah IMP iaitu Prof. Madya Dr. Makhdzir Mardan. Ketika ditemui, Dr. Makhdzir yakin teknologi CGI dapat meningkatkan kemampuan IMP dalam menghasilkan karektor-karektor animasi 3D bagi tayangan TV atau filem serta dapat menjimatkan masa lebih dari 70% dalam pembikinan animasi 3D.




Harun sedang mengendalikan SGI Workstation

Sewaktu diaju soalan apakah peralatan ini cum akan menjadi 'gajah putih', Dr. Makhdzir menyatakan dengan tenang.

"Saya mengharapkan agar dalam masa dua tahun, UPM boleh menghasilkan episod animasi 3D kepada

syarikat-syarikat televisyen tempatan. Beberapa alatan pelengkap lain seperti 'Body scanner', 'stereolithography' dan lain-lain lagi akan mendekatkan UPM



Antara karektor yang dihasilkan melalui teknologi CGI

sebagai pusat latihan dan produksi animasi 3D di negara ini dan kawasan serantau," katanya.

Dr. Makhdzir yakin teknologi CGI akan membantu IMP membangunkan kepakaran dalam teknologi *motion-capture* di kalangan kakitangan IMP serta pelajar-pelajar UPM yang berbakat boleh menggunakan alatan ini melalui skim latihan dan peluang untuk mereka berkreatif dan dapat membantu UPM menghasilkan pelajar-pelajar yang serba boleh.

Kenyataan ini disokong oleh Encik Harun yang menyatakan bahawa peralatan tersebut tidak terhad kepada pembikinan siri televisyen, iklan komersil atau klip video lagu artis sahaja, bahkan ianya boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bio-informatics, kejuruteraan dan sebagainya.

Kini, bahagian animasi IMP sedang berusaha untuk membuat semula klip video lagu 'Maafkan Kami' nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee menggunakan peralatan tersebut dan dijangka dapat ditayang di televisyen sebelum berakhirnya tahun 2001.




HARUN Jantrik, jurutera berpengalaman dalam 3D

Tarayputra

TRIBUN
PUTRA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Teks & Foto: NOORAZMAN ARIFF AZIZUL RAHMAN



Pemenang persembahan terbaik dari Kolej Kesepuluh dengan aksi masyarakat orang asli suku Temiar



Para pemenang bersama hadiah yang diterima

PADA 19 Mei 2001, bertempat di Pusat Kesenian Sultan Abdul Aziz Syah (Dewan Besar) telah berlangsung Pertandingan Malam Tunas Budaya Nescafe 2001 Universiti Putra Malaysia.

Pertandingan yang diadakan ini merupakan sebahagian pengisian untuk pelajar baru sempena Minggu Suaikenal sesi Mei 2001/2002.

Berbeza dari tahun-tahun sebelumnya. Pertandingan ini kelihatan lebih berseri apabila dua tetamu kehormat iaitu Timbalan Menteri Penerangan Y.B Dato' Hj. Khalid Mohd Yunus, dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr. Idris Abdol telah mendendangkan beberapa buah lagu.

Lagu seruling anak



LAGU HINDI..jadi pilihan Prof. Madya Dr. Idris Abdol

Malam Tunas Budaya 2001 Tonjol Bakat Pelajar Baru

gembala telah menjadi pilihan Dato' Khalid manakala lagu hindu iaitu *Sanggam* dan sebuah lagu inggeris iaitu *U are my sunshine* menjadi pilihan Dr. Idris.

Pertandingan anjuran Unit Kebudayaan dan Rakan Muda IPTA, Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini menawarkan beberapa kategori untuk dimenangi oleh peserta. Antara kategori yang dipertandingkan adalah persembahan terbaik, kreativiti terbaik, teknikal terbaik dan pengarah terbaik.

Pertandingan kali ini diadili oleh panel hakim yang berpengalaman luas dalam dunia budaya. Mereka merupakan En Hussein Ali dari Ambang Klasik Sdn. Bhd., En Diari Kasian dan En. Faisal dari Universiti Kebangsaan Malaysia juga Hjh Halimah Hassan dan Prof. Madya Dr Arippin Said dari Universiti Putra

Malaysia.

Demi memupuk dan memelihara budaya bangsa seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, pertandingan pada tahun ini mengetengahkan konsep cara hidup, adat resam dan tradisi kehidupan masyarakat Malaysia yang telah diamalkan sejak turun temurun.

Namun begitu sedikit kekecewaan timbul apabila hampir keseluruhan persembahan peserta menggarapkan perihal adat perkahwinan dan kelahiran. Perbezaannya cuma pada cara persembahan dan susunan set pentas sahaja.

Peserta seharusnya mengetengahkan idea yang lebih luas kerana telah diberi peluang untuk menetapkan pengisian persembahan mereka sendiri. Tidak adil sekiranya persembahan yang dilakukan tidak langsung

diberi sebarang kredit.

Kaedah penyampaian yang pelbagai sedikit menunjukkan kematangan pemikiran mereka walau pun terperangkap dalam idea yang sama. Pendekatan seperti bercerita dan persembahan yang diselegangi gesekkan biola memberi kelainan.

Kebolehan mewujudkan set yang menarik juga menonjolkan kegigihan usaha peserta untuk melahirkan sebuah persembahan yang terbaik. Susunan set kelihatan meriah bagaiakan sebuah majlis persandingan apabila peserta cuba melahirkan suasana majlis perkahwinan sebaiknya.

Mengetengahkan adat masyarakat orang asli Temiar telah membawa tuah kepada peserta dari Kolej Sepuluh. Dua kategori berjaya dimenangi iaitu kategori keseluruhan terbaik dan pengarah ter-

baik.

Kesungguhan diserahkan lagi apabila persembahan mereka ini telah mendapat tunjuk ajar dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan dari pihak orang asli Temiar sendiri.

"Kami telah menerima tunjuk ajar dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan masyarakat orang asli sendiri untuk memastikan persembahan pada malam itu tepat menggambarkan kehidupan mereka" jelas

Kebolehan mewujudkan set yang menarik juga menonjolkan kegigihan usaha peserta untuk melahirkan sebuah persembahan yang terbaik. Susunan set kelihatan meriah bagaiakan sebuah majlis persandingan apabila peserta cuba melahirkan suasana majlis perkahwinan sebaiknya.

Mengetengahkan adat masyarakat orang asli Temiar telah membawa tuah kepada peserta dari Kolej Sepuluh. Dua kategori berjaya dimenangi iaitu kategori keseluruhan terbaik dan pengarah ter-

pengarah terbaik saudari Nor Wahida.

Pentomen Menora Pantai yang mengisahkan kehidupan masyarakat neelayan di pantai timur menjadi tajuk utama persembahan pemenang kreativiti terbaik, peserta dari kolej kelima. Manakala dramatari bertajuk *Adat Disanjung, Resam Dijung-jung-Warisan Adat Kekeluargaan* oleh Kolej Ked uabelas telah memenangi teknikal terbaik.

Pertandingan pada malam itu diserikan lagi dengan persembahan dari artis jemputan, kumpulan Kopratasa yang telah mendendangkan dua buah lagu dan sambutan hangat telah diberikan oleh para penonton sebaik sahaja kumpulan yang terkenal dengan lagu-lagu puisi ini memulakan persembahan.

Semua hadiah telah disampaikan oleh Y.B Dato' Hj. Khalid Mohd Yunus.



SERULING anak gembala ..dendangan lagu dari Y.B Dato' Khalid

UPM SERAH ASET 100 JUTA PADA KUT

Oleh: MOHD RUSDY HASAN / Foto: Ahmad Fua'd Alwi



Dr. Abdul Latif memberi taklimat mengenai plan pembangunan kampus KUT kepada Tan Sri Musa selepas upacara penyerahan kampus itu baru-baru ini

KUALA TERENGGANU (TP): Tanggal 19 Mei baru-baru ini sejarah tercatat di negeri Pantai Timur ini apabila Universiti Putra Malaysia (UPM) secara rasminya menyerahkan aset bernilai kira-kira 100 juta kepada Kolej Universiti Terengganu (KUT).

Penyerahan aset ini menandakan berakhirnya naungan KUT dibawah payung UPM dan membangunlah ia sebagai sebuah Institusi Pengajian

Tinggi Awam yang terasing dan tersendiri serta muncul sebagai yang pertama di Pantai Timur.

Majlis penyerahan ini berlangsung antara Pengerusi Lembaga Penggarah UPM, Datuk Ramly Ahmad dan wakil Pengerusi Lembaga Penggarah KUT, Dato' Dr Abdul Latif Awang sambil disaksikan oleh Menteri Pendidikan YB Tan Sri Musa Muhamad.

Semasa bercakap kepada pemberita Musa

menaruh keyakinan KUT mempunyai masa depan yang cerah sebagai sebuah IPTA berdasarkan keupayaannya dalam bidang sains marin dan alam semulajadi.

Menurut beliau KUT bertanggung jawab untuk muncul sebagai sebuah IPTA yang lebih besar dan masyhur serta setanding dengan universiti-universiti lain. Ia juga di harap dapat menjalankan penyelidikan yang khusus dalam bidang



Dr. Zohadie Bardiae



Dr. Mohamed Mahyuddin



Datuk Ramly Ahmad

marin.

"Reputasi KUT diperlakukan mampu diteruskan, sekaligus membolehkan ia muncul sebagai antara IPTA yang berwibawa dan mampu melakar sejarah yang boleh dibanggakan," katanya semasa sidang akhbar selepas majlis penyerahan tersebut.

Musa juga ada menyentuh mengenai pembangunan yang akan dilaksanakan di KUT. Kata dia pelbagai kemudahan dijangka akan dapat disediakan sedikit masa lagi dan ditambah dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun Musa menjelaskan KUT tidak dibenarkan mengambil pelajar melebihi 5,000 orang sebab itulah dia di-

namakan kolej universiti.

"Kemudahan-kemudahan tetap akan dibina dengan mengambil kira jumlah pelajar yang ada. Untuk menambah jumlah pelajar melebihi 5,000 perkara tersebut perlu diteliti kemudian," katanya menjawab satu pertan-

yaan pemberita. Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor UPM, Profesor Dato' Dr Mohamad Zohadie Bardiae, Rektor KUT, Profesor Datuk Dr Mohamad Mahyuddin dan Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof Madya Dr Idris Abdol.

KUT AMBIL PELAJAR PERTAMA



Dato' Ramly bertukar-tukar dokumen penyerahan kampus KUT dengan Dr. Abdul Latif sambil disaksikan oleh Tan Sri Musa (tengah), Dr. Zohadie (kiri) dan Dr. Mohamed Mahyuddin (kanan sekali)



Dr. Abdul Latif

KUT baru-baru ini.

Katanya penyerahan ini adalah satu pengorbanan besar UPM demi untuk melihat kemajuan proses pendidikan di Terengganu khususnya dan Pantai Timur amnya.

Belia berharap UPM akan membantu memberi bimbingan dan tunjuk ajar pada masa-masa akan datang kerana antara UPM dan KUT banyak persamaan kerana KUT merupakan warisan sistem dan program pengajian daripada UPM.

Menurut wakil Lembaga Pengarah KUT, Dato' Dr Abdul Latif Awang pelajar tersebut akan mendaftar sebagai anak jati KUT yang akan mengikuti 11 program yang ditawarkan oleh KUT.

"Kewujudan KUT adalah sangat bermakna bagi masyarakat setempat dan ia boleh memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan koridor Pantai Timur," katanya semasa berucap pada majlis penyerahan harta/kampus UPM kepada



FBMK Sediakan Dataran Pelajar

DATARAN Pelajar (concourse) bernilai RM 175,000 sedang pesat dibina di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK). Menurut dekan fakulti tersebut, Profesor Dr. Shaik Mohd. Noor Alam S. M. Hussain (*gambar kecil*) tujuan dataran pelajar disediakan adalah sebagai satu langkah untuk menyahut seruan Naib Canselor baru UPM, Profesor Dato' Dr. Ir. Mohd. Zohadie bin Bardaie yang memberi penekanan kepada kepentingan keperluan pelajar.

Prof. Shaik mengatakan bahawa, "Kita harus mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan sempurna sesuai dengan idea kampus yang bermatlamatkan *learning and living*", katanya.

Dataran yang dijangkakan siap pada penghujung bulan Ogos ini akan menjadi pusat pertemuan pelajar bukan sahaja untuk tujuan beriadah, tetapi lebih penting dari itu ia akan menjadi tempat perbincangan dan berinteraksi intelektual antara pelajar.

Pendebat FBMK Naib Johan di Singapura

Sepasukan pendebat bahasa Tamil dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) menjadi Naib Johan dalam Pertandingan Perbahasan bahasa Tamil di antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi Singapura dan Malaysia pada 21 – 23 Julai 2001 yang lalu.

Ini adalah pertama kali pasukan debat FBMK menghantar wakil UPM untuk menyertai pertandingan perbahasan bahasa Tamil baik di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Pasukan pendebat ini terdiri daripada Saudari Banu, Mariamal, Ramani, Saudara Ganesan dan Saravanan.

Pasukan ini telah dipimpin oleh pensyarah bahasa Tamil En. M. Paramasivam. Sebanyak empat institusi pengajian tinggi telah menyertai pertandingan ini anjuran the National University of Singapore dengan kerjasama the Tamil Language Council Singapore dan Vasantham Central.



Para pemenang bergambar kenangan bersama hadiah masing-masing

Iklan Putra

Telefon : 03-89486101 samb. 4049 Fax : 03-86563525

MINGGU MENJANA INTELEKTUAL

Sekretariat Akademik, Kolej Tun Dr. Ismail dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UPM akan menganjurkan Minggu Menjana Intelektual yang bertemakan " Seteguh Usaha Segunung Kejayaan". Maklumat aktiviti adalah seperti berikut:

Tarikh : 10 Ogos – 12 Ogos 2001
Tempat : Foyer, Kolej Tun Dr. Ismail

Terdapat gerai jualan buku, komputer dan lain-lain. Anda dijemput untuk menghadiri program-program tersebut. Sebarang masalah dan pertanyaan sila hubungi saudara Swee Jing Wei H/P 012-6390369 atau saudara Zahidah H/P 017-3611020

PERHIMPUNAN SISWA JOHOR

JAWATANKUASA Kebajikan Mahasiswa Anak Johor UPM (JAUHARA) akan mengadakan majlis "Sepetang Bersama JAUHARA" pada 12 Ogos 2001 (Ahad) jam 3.30 petang bertempat di Dewan Kuliah Kolej Kedua.

MALAM GEMILANG GRADUAN

Biro Alumni dan Kolegiat Majlis Tertinggi Mahasiswa(MTM) Kolej Canselor dengan kerjasama pihak Pentadbiran Kolej Canselor akan menganjurkan program Malam Gemilang Graduan(MGG) untuk meraikan kejayaan mahasiswa-mahasiswa kolej yang bergraduat pada sesi 2001/2002 serta mengalukan para graduan kolej ke Majlis Konvokesyen kali ke-25 Universiti Putra Malaysia.

Program tersebut akan diadakan di perkarangan tempat meletak kenderaan di hadapan blok Mahsuri, Kolej Canselor pada hari Sabtu 18 Ogos 2001 bermula jam 8.15 malam. Ia akan dihadiri oleh Pengetua Kolej Canselor, Dr. Mohamed Zakaria Hussin dan Isteri sebagai tetamu kehormat.

Turut dijemput ialah Pengurus, Fellow-fellow, Kakitangan, Alumni, Graduan, MTM dan pelajar tahun akhir serta pelajar-pelajar Kolej Canselor. Program ini diharap dapat menjadikan kejayaan para graduan sebagai pendorong dan inspirasi kepada mahasiswa-mahasiswa Kolej Canselor untuk mencapai kecemerlangan akademik selaras dengan motto kolej : **Kekal Cemerlang**.

FAMILY FUN AT RENAISSANCE PALM GARDEN

Spend a weekend of fun, games and shopping at Renaissance Palm Garden Hotel and discover enjoyments you will never forget. For only RM350 ++ per family you can have an enjoyable 3 days and 2 nights vacation at the only 5 star resort hotel in Putrajaya.

The package includes comfortable accommodations in a Superior Room with a complimentary extra bed inclusive of buffet breakfasts for 2 adults and 2 children.

Take advantage of the complimentary use of the club facilities and special golf rates. Club facilities include 27-hole golf course, swimming pools, tennis, squash and ping pong courts, sauna and jacuzzi.

After an energizing morning, the hotel has scheduled return transfers for a spot of shopping and sightseeing at KLCC. Another activity not to be missed is a day trip to the beautiful city of Putrajaya with the impressive Prime Minister's Department offices, Putra mosque, Putra Square, Wetlands Park and acres of lovely landscaped gardens.

For reservation please call our Reservations Department at 8943 2233 ext. 8852 or 8825

Kembara Puisi IPT UPM PALING 'CLASS'

Oleh: HM RUSDY / Foto: Azman Ariff Azizol Rahman



Aksi kumpulan Kopratas yang mendendangkan lagu-lagu puisi menarik minat audiensi



Dr. Idris tidak melepaskan peluang untuk sama-sama mendeklamasi puisi

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) boleh dikatakan paling cemerlang dalam siri Kembara Puisi IPT 2001 yang diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Rata-rata berpendapat dan memperkatakan kecemerlangan penganjuran kali ini berbanding yang sudah-sudah. Sebelum ini kembara puisi antara IPT telah diadakan di beberapa IPT di sekitar Lembah Klang.

Bermula dengan kunjungan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pengembalaan pertama. Seterusnya ia melangkah ke Universiti Malaya kemudian menyusur pula ke Institut Bahasa di Lembah Pantai di sebabkan IPT pada masa itu bercuti panjang.

Begitulah liku-liku

pengembalaan Kembara Puisi IPT yang dijadikan atucara bulanan bermula sejak 20 Januari lalu di UKM sebelum kali terakhir melabuh panggung di UPM.

Baik penyair atau penonton yang terlibat semuanya kagum dengan penganjuran program kali

ini. Dengan kehadiran kira-kira 3,000 penonton sudah cukup untuk membuktikan kepada umum bahawa Kembara Puisi IPT di UPM paling class.

Mengikut sumber pihak penganjur bukan setakat puas hati dengan tuan rumah (UPM) tetapi juga dengan sokongan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang sanggup turun padang untuk sama-sama merasai kehangatan kembara puisi kali ini.

Bertemakan Suara Nurani Jati Diri Bangsa ia menampilkan beberapa penyair terkenal tanah air. Antaranya ialah Marzuki Ali, Ahmad Shukri Abdullah, Kopratas, Ras Adiba Radzi, Khalid Salleh, Zainal Rashid Ahmad dan Sutung Umar RS.

Selain itu, turut menggambarkan dewan pada malam itu wakil daripada UPM terdiri daripada TNC (HEP) sendiri Prof. Madya Dr Idris Abdol dan Timbalan Pendaftar, Mustafa Ibrahim.

Ia diserikan lagi dengan penampilan beberapa penyair UPM yang se-



TURUN PADANG...Naib Canselor UPM (dua dari kanan) turut hadir untuk menjayakan persembahan pada malam tersebut

memangnya terkenal dengan lagu-lagu puisi Aripin Said serta pembacaan puisi oleh Arbak Othman.

Tidak cukup dengan itu UPM juga mengejarkan bakat baru daripada ahli Kelab Puisi UPM terdiri Abdul Hadi Che Hasan, Nurhisyam Razali dan Flora Ilyana. Mereka bertiga berpadu tenaga dengan puisi berjudul *Lagendaku* yang dibaca khusus untuk mengenang jasa seniman agung Tan Sri P. Ramlee.

Sekali lagi persembahan mereka menggambarkan dewan apabila menyanyikan lagu *Di Mana Kan Ku Cari Ganti* yang diiringi gesekan biola menyebabkan para penonton terpaku seketika. Untuk membuktikan

UPM serba boleh pihak penganjur memberi ruang kepada dua kumpulan dari UPM iaitu Kelab Akustik dan Kelab Putra untuk membuat persembahan.

Seterusnya Kembara Puisi IPT dijangka akan meneruskan langkah ke Universiti Tekologi Malaysia (UTM) Skudai dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Di harap usaha yang dilakukan oleh *Berita Harian* dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Bank Rakyat dapat mengembangkan lagi minat mahasiswa terhadap puisi serta budaya bangsa yang semakin terpinggir.

Jni Kampung Halamanku

(buat putera-puteri UPM harapan bangsa)

*Jni kampung halamanku
Universiti Putra Malaysia
di sini aku membina peribadi
di sini aku menjadi dewasa
menjana minda
menjadi manusia sempurna.*

*Jni kampung halamanku
kampung ilmu warisan bangsa
di sini aku mencari khazanah
di sini aku membina kehidupan
melaksana tanggungjawab
menjadi manusia berjiwa besar.*

*Jni kampung halamanku
kampung kelahiran putera-puteri
mengangkat darjat
mengangkat martabat
menjadi bangsa terhormat.*

Nukilan:

MUHAMMAD SJIDDIQ ZAINAL

Persembahan Teater 'Penunggu Pusaka'

Oleh: ANAZ WAMIN AB. WAHAB (Pelatih PRO)

"PENUNGGU PUSAKA". Tajuk ini telah dipilih oleh Group Teater Uniputra untuk memulakan pementasan teater yang pertama sebagai pembuka tirai tahun ini.

Pementasan ini mengisahkan pertelingkahan yang berlaku di antara anak-anak kandung dan anak-anak tiri setelah kematian ayah mereka.

Pertelingkahan itu di sebabkan ketidakpuasan hati anak-anak tiri dengan pembahagian harta pusaka yang diwasiatkan oleh si mati. Mereka telah membuat berbagai helah termasuk menggunakan khidmat bomoh untuk mendapatkan bahagian yang lebih banyak.

Namun apa yang pasti setiap kejahatan akan menerima balasan dari Allah s.w.t. Akhirnya, seorang anak tiri si mati telah menjadi gila. Pementasan yang diadakan di Panggung Percubaan baru-baru ini berjaya menarik minat kira-kira 200 penonton.

Teater ini adalah arahan pertama sutradara muda Zakaria Ariffin. Saudara Zakaria Ariffin amat berterima kasih di atas kepercayaan yang diberikan, tak lupa juga kerjasama yang baik sepanjang latihan diadakan. Menurutnya pementasan ini adalah sebagai jendela untuk melihat dan menilai diri sendiri.

Turut memeriahkan pementasan ini ialah kehadiran Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Madya Dr. Idris bin Abdol dan isteri. Walaupun terpaksa hadir lewat kerana mengahdiri satu majlis yang berasingan di Kolej Canselor, Dr Idris tidak melepaskan peluang keemasan itu.

dari muka 4

Peter Drucker menulis, "One of the key tasks of the leader is to balance up the long range and the short range, the big picture and the pesky little details. Another is the balance between seeing only the big picture and forgetting the individual who sits there – one lonely young man is need of help. This is one example. Another, which I think is harder to handle, is the balance between concentrating resources on one goal and diversification. The even more critical balance, and the toughest to handle, is between being too cautious and being too rash. Finally there is timing. You know the people who always expect results too soon and pull up the radishes to see whether they have set roots, and the ones who would not care a damn who never pull up the radishes because they are sure they are never ripe enough. Then there is a balance decision between opportunity and risk."

Saya percaya bahawa itulah antara ujian-ujian yang dihadapi oleh Profesor Dato' Zohadie. Universiti dapat dianggap sebagai kapal titanik dan Profesor Dato' Zohadie sebagai kapten memerlukan ketajaman semua deria yang Allah turunkan – minda, mata, telinga, mulut, hidung dan hati – untuk *maneuver* rintangan-rintangan yang ada supaya ia sampai ke destinasi.

Krisis dan konflik wujud dalam minda setiap CEO baru kerana mindanya terperangkap dalam anggapan bahawa "CEO baru mesti membawa perubahan. Bak kata pepatah, sekali air bah, sekali pantai berubah".

Warga organisasi akan sentiasa bertanya dan terus bertanya apakah perubahan yang dibawa oleh CEO baru. Terperangkap dalam acuan ini seorang CEO baru menghadapi krisis yang ia mesti membuat perubahan dan impaknya akan dinilai oleh anggota organisasinya dari segi perubahan yang diperkenalkannya.

Sesiapa sahaja yang baru dilantik untuk memegang jawatan CEO sentiasa berada dalam stat krisis dan konflik. Lima persoalan utama yang sentiasa bermula di kepala mereka ialah:-

- Apa yang hendak diubah atau diperkuuhkan?
- Di mana?
- Bilakah masa yang paling afdal untuk membuat perubahan?
- Bagaimana hendak melaksanakan perubahan itu?
- Kenapakah perlu dibuat perubahan?

Dalam menerajui universiti, Naib Canselor akan menghadapi berbagai-bagai krisis di mana pengurusan krisis merupakan "acid test" bagi seorang CEO.

Kenneth Labich menulis, "By demonstrating grace under pressure, the best leaders inspire those around him to stay calm and act intelligently." Beliau menyebut seorang CEO sebagai berkata, "You deliberately try to work by committee, by consensus. But there are times when a leader simply has to take charge. I am willing to assume responsibility in a critical moment."

Kenneth Labich juga menyebut seorang lagi CEO sebagai berkata, "I maintain that genuine leadership necessarily involves stepping forward in a crisis. You have to take a position, whether you like it or not. The natural inclination is to hide in a hole for a while. But if you don't talk about some of the problems, you create a credibility gap".

Dalam hal ini konsultansi dan perbincangan antara Naib Canselor dengan pegawai-pegawai tinggi dan rendah menjadi instrumen untuk mendapatkan gambaran keseluruhan sesuatu situasi bukan sahaja untuk mendapatkan alternatif yang sesuai dalam konteks tertentu, tetapi juga untuk menanamkan perasaan saling percaya-mempercayai dan saling hormat-menghormati serta suasana harmoni dan kesefahaman.

Ketulusan dan ketelusan pengurusan akan

CABARAN NAIB CANSELOR

mengukuhkan lagi kefahaman serta kerjasama antara 'pemerintah dengan yang diperintah'.

Guru-guru pengurusan masa kini menekankan bahawa matlamat utama CEO ialah mencipta "high commitment workplaces". yang berpaksikan kepercayaan (trust).

Tambahan pula dalam sebuah organisasi seperti universiti di mana komunitinya terdiri daripada berbagai golongan intelek yang kononnya beroperasi dengan sihat dalam suasana yang tidak mengongkong, serta fungsi universiti yang meliputi aktiviti dan disiplin yang luas dan hampir tidak terbatas maka universiti hendaklah berupa "a trust rather than a power culture".

Kepercayaan mempunyai dua bahagian – iaitu mempercayai orang lain dan boleh dipercayai oleh orang lain. *Being trusting is the ability to believe in others while trustworthy is being worthy of other's belief in you.*

Kenneth Labich dalam rencananya *The Seven Keys to Business Leadership* (Fortune Oktober 24, 1988 menyatakan:- "Management experts say the key to making a high-commitment organization work is mutual trust. The ability to engender that trusting relationship has become the No. 1 leadership test."

Salah satu ciri komuniti skolar ialah kecenderungannya untuk memberi ulasan dan pandangan mengenai sesuatu fenomenon yang berlaku sama ada di peringkat formal (mesyuarat, dialog dan perbincangan yang diatur khas) atau di peringkat tidak formal (di bilik-bilik pejabat, di serambi, di tempat-tempat makan atau di tepi-tepi jalan).

Malah ini sudah menjadi lumrah komuniti skolar tetapi seorang pujangga Inggeris berkata: **IT IS EASY TO BE CRITICAL THAN TO BE RIGHT**. Maknanya adalah amat mudah untuk kritik sesuatu yang sudah wujud tetapi amatlah sukar untuk membina sesuatu dari kosong hingga ke realiti.

Mungkin Profesor Dato' Zohadie meletakkan dalam kamar pejabatnya satu poster yang berbunyi:- **DON'T COME WITH YOUR PROBLEMS, COME WITH YOUR SOLUTIONS**.

Keindahan dan keharmonian muzik orkestra simponi menggabungkan pemain-pemain muzik yang mempunyai kepakaran, kecekapan dan kemahiran yang berbeza-beza, tetapi mempunyai misi, matlamat, minat, nilai, norma, sikap, halatuju, serta dedikasi dan keiltizaman yang sama.

Tonggak persembahan mereka berdasarkan kepada keiltizaman untuk mencipta muzik yang menyusuk hati serta dapat mengwujudkan kedamaian dan ketenangan jiwa sesiapa sahaja yang menghayatinya.

Tugas dan tanggungjawab Profesor Dato' Zohadie, sebagai Naib Canselor baru, adalah seperti pemimpin orkestra simponi yang akan mengerakkan minda, hati dan tangan untuk memimpin komuniti universiti mencapai misi dan matlamat dalam suasana kampus yang harmoni dan tenang.

Perjalanan ke puncak Everest lalui lurah dan jurang yang dalam, hutan belantara yang tebal serta jalan berliku-liku, begitulah dibaratkan perjalanan universiti ke arah puncak kecemerlangan.

Tetapi apabila Edmund Hillary sampai dipuncaknya – menjadi orang pertama mencecah kaki di puncak Everest – ia dapat melihat hasil kejayaannya dengan megah dan bangga. Itulah hadiah yang paling istimewa baginya.

Bagi Profesor Dato' Zohadie, kecemerlangan bukan sesuatu yang baru baginya. Sebagai seorang pelajar di Kolej Pertanian Malaya, di University California dan di Cornell, beliau menonjol sebagai seorang pelajar cemerlang yang memenangi berbagai hadiah dan pengiktirafan.

Motivasi intrinsik (Internal motivation) yang

mendorong beliau mencapai kejayaan sebagai pelajar telah juga mendorong beliau menjadi seorang pengajar, saintis dan penyelidik yang cemerlang.

Komuniti kampus juga berharap motivasi intrinsik ini juga akan mendorong beliau menerajui Universiti Putra Malaysia ke mercu kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan, khidmat profesional dan masyarakat serta pengurusan.

Universiti Putra Malaysia akan membuka lambaran baru dengan perlantikan Profesor Dato' Zohadie dan dalam masa-masa akan datang ini beliau akan mencorakkan senario baru universiti.

Beliau akan meniupkan semangat dan angin baru supaya senario dan panorama kampus akan berbahaya menuju ke kecemerlangan dan kegemilangan.

Bagi Profesor Dato' Dr. Zohadie Bardiae, perjalanannya baharu sahaja bermula. Komuniti universiti sedang menunggu dengan penuh prihatin dan harapan.....

DIALOGUE AMONG CIVILIZATIONS

UNIVERSITI Putra Malaysia has been invited to participate in a worldwide essay contest on Dialogue among Civilizations organised by the Permanent Mission of the Islamic Republic of Iran and the International Centre for Dialogue among Civilizations, in cooperation with the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO).

The School of Diplomacy and International Relations at Seton Hall University, New Jersey, USA has been assigned to administer the contest.

In September 1998, speaking before the United Nations General Assembly, President Mohammad Khatami of the Islamic Republic of Iran put forth a call for a dialogue among civilizations. He urged that a new process be initiated to replace "hostility and confrontation with discourse and understanding."

Following President Khatami's proposal, the General Assembly proclaimed the year 2001 as the United Nations Year of Dialogue among Civilizations. This essay contest has been organised in support of this initiative and as part of worldwide cultural, educational and social programs to promote the concept of dialogue for bridging differences among the peoples of the world, especially the younger generation.

Guidelines for the Contest


Topic: How do you envision the contribution the Dialogue among Civilizations can make to better prepare the peoples of the world, especially the youth, for challenges of tomorrow?

Essay Format: The essay should be between 900 and 1200 words in length, excluding sources. If it is necessary to cite sources, bibliographic information should be included as an endnote immediately following the essay. Entries must be typed, double-spaced. Paper size must be 8+-by-11-inch or A4 with one-inch margins (2.5cm).

The student's personal details, i.e. name, matriculation number, program, address and telephone number (or e-mail address) should be provided on a separate page and not on the essay itself.

Eligibility and Submission of Essays: Only undergraduate students are eligible to take part in this competition. Essays should be written in English and submitted by 10 September 2001, to Assoc. Prof. Dr. Mohammad A. Quayum in the Department of English, Faculty of Modern Languages and Communication.

Membaca Bukan Hobi Tetapi Aktiviti



Murugan menerima Anugerah Naib Canselor daripada Tan Sri Syed Jalaludin di Mint Hotel baru-baru ini

TENTU ramai yang ingin mengetahui kenapa seseorang itu boleh berjaya? Bagi Murugan a/l Nagu Pandithan kejayaan seseorang bukan datang secara tiba-tiba tetapi kejayaan adalah berkat usaha dan kesabaran.

Begitulah satu petikan ringkas yang boleh di simpulkan dari mulut salah seorang pemenang anugerah Naib Canselor yang ditemui baru-baru ini.

Murugan, 33 adalah bekas guru sebuah sekolah rendah dan menyambung pelajaran ke Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1998. Beliau akhirnya berjaya menamatkan pengajian dalam Bachelor Pendidikan (TESL).

Selain Purata Gred Terkumpul (CGPA) yang baik, seseorang pelajar perlu memiliki pengalaman, disiplin diri, kebolehan, serta keyakinan diri yang tinggi. Inilah faktor penting untuk berjaya kata Murugan.

Apabila ditanya rahsia kejayaannya, Murugan mula tersenyum dan selamba menjawab *take things easy* dan cuba memahami orang dan meletakkan sesuatu itu pada diri kita sendiri.

Untuk berjaya juga katanya perancangan



PENDORONG...isteri dianggap pendorong baginya untuk mencipta setiap kejayaan

awal sesuatu kerja akan mendatangkan hasil yang baik. Para pelajar perlu ada pakar rujuk khususnya para pensyarah dalam menentukan perancangan itu.

"Saya mempunyai sikap tidak malu untuk bertanya dan biasanya untuk menjalankan sesuatu projek itu saya akan mengenal pasti orang yang lebih arif terlebih dahulu," tambah Murugan.

Menyentuh mengenai teknik belajar pula bapa kepada seorang anak ini menjelaskan dia mempunyai jadual belajar sendiri. "Saya telah khushuskan dari pagi sampai petang adalah di fakulti dan sebelah malam saya akan membaca buku secara umum," tegasnya.

Pelajar yang berasal

dari Ipoh itu bagaimanapun berkata belajar secara kumpulan sangat memberi manfaat kepadanya. Walaupun dengan kesibukan dia berpersatuan dan mengendalikan projek-projek fakulti namun kesempatan *group discussion* ini memberi kelebihan kepadanya untuk mengingati nota-nota kuliah.

Sebelum menyambung pelajaran di UPM, dia pernah mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Lalang, Grik dan sekarang sedang bertugas di Sekolah Menengah Taman Melawati, Gombak.

Katanya sebagai azimat untuk pembaca *Tribun Putra* membaca itu bukan satu hobi tetapi sebagai satu aktiviti harian. - HM RUSDY

PROF. KAMARUZAMAN JUSOFF SAMPAIKAN KULIAH DI UNIVERSITI OMAN

Oleh: MUHAMMAD ZULHISHAM

MUSCAT, OMAN: College of Engineering, Sultan Qaboos University (SQU), Muscat, Oman telah menjemput Ketua Pusat Pertanian Tepat dan Remote Sensing Biosumber (PPTRS) Prof. Kapt. Dr. Kamaruzaman Jusoff untuk memberi kuliah awam bertajuk "Development RS/GIS" kepada College of Engineering dalam membangunkan pembangunan Remote Sensing / GIS di SQU.

Beliau juga telah dibawa untuk membuat kunjungan hormat kepada TNC (Akademik), Prof. Vincent McBrierty bagi membincangkan projek-projek penyelidikan dan pembangunan

Remote Sensing / GIS untuk Sultanate of Oman.

Pada kesempatan itu, beliau turut menyampaikan cenderahati kepada TNC (Akademik) SQU bagi pihak Naib Canselor, UPM.

Jemputan ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan di arena antarabangsa kepada beliau khususnya dan Universiti Putra Malaysia (UPM) amnya dalam bidang Remote Sensing / GIS.

Diakhiri sesi lawatan, Profesor Kamaruzaman di bawa melawat kawasan sekitar bandar Muscat bagi melihat kemajuan-kemajuan pembangunan yang dicapai oleh negara pengeluar minyak itu.

Selain itu, beliau juga telah mendapat jemputan untuk memberi seminar bertajuk "Remote Sensing / GIS Research & Development Agriculture in Malaysia" untuk pegawai-pegawai kanan NRSC (Infoterra Ltd), UK.

Beliau juga telah dibawa untuk melihat pengendalian projek-projek penyelidikan Remote Sensing yang menggunakan data "hyperspectral Imaging".

Beliau juga mengambil kesempatan untuk berbincang dengan Pengarah Pusat NRSC Infoterra Ltd, Dr. Giles D'Souza mengenai usahasama penyelidikan RS/GIS diantara UPM dengan NRSC.

PAKAR DENMARK, ENGLAND LAWAT PPTSB

Oleh : MUHAMMAD ZULHISHAM (Pengurus Projek PPTRS)



Prof. Dr. Kamaruzaman Jusoff (dua dari kiri) memberi taklimat kepada Prof. Simon Blackmore dari Denmark dan Prof. Richard J Godwin dari England.

LEBUH SILIKON (UPM): Pusat Pertanian Tepat dan Remote Sensing Biosumber (PPTRS) menerima kunjungan hormat dua pakar 'Precision Farming' dan 'Agricultural Engineering' dari Denmark dan England.

Prof. Simon Blackmore adalah pakar dari Denmark dan Prof. Richard J Godwin dari England. Tetamu ini telah diberi taklimat ringkas oleh Ketua Pusat PPTRS Prof. Kapt. Dr. Kamaruzaman Jusoff berkenaan sejarah, pembangunan dan pencapaian serta projek yang telah dijalankan oleh PPTRS sejak ditubuhkan pada 1999.

Dijangkakan PPTRS merupakan pelopor utama

bagi UPM dalam usaha memajukan penyelidikan "Precision Agriculture" dua hala khususnya berkaitan dengan penggunaan teknologi satelit dalam bidang pertanian moden.

Diharap dengan kunjungan dua pakar ini ke PPTRS, UPM akan lebih terkenal lagi di per-sada antarabangsa.

7 PENARI UPM WAKILI NEGARA

....Peluang menyertai World Folkdance Festival 2001 bagaikan mimpi. Ikuti catatan perjalanan NOR HASLINA MOHAMED, salah seorang peserta yang menyertai festival tersebut



Selepas pertunjukan Kebudayaan di Dewan Francisco Mallorca, Sepanyol

"MACAM MIMPI JE! Tak sangka impian selama ini untuk menjelaskan kaki ke luar negara tercapai juga. Apatah lagi mewakili negara pulak tu...." Itulah antara ungkapan yang berlegar dalam benak fikir kami yang baru saja memijak kaki di negara asing.

Betul kata orang, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik rasanya di negeri sendiri. Mana tidaknya, kalau hendak makan pun terasa jerih, inikan pula hal-hal besar seperti perbezaan adat resam dan budaya. 3 hari di London, England dan 9 hari di Palma De Mallorca, Sepanyol bersama rakan-rakan yang mewakili Universiti Putra Malaysia dan negara Malaysia sudah cukup untuk mengajar erti 'hujan emas'.

Segalanya bermula apabila kami mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia untuk menyertai satu Pertandingan Tarian Tradisional 'World Folkdance Festival 2001' di Palma De Mallorca, Sepanyol bermula 13 - 25 April 2001.



Kafe Siber di London.. penulis menghantar email kepada pengangur untuk memberitahu tentang kehadiran wakil UPM



Di atas jambatan, berlatarbelakangkan Big Ben, salah satu mercu tanda Bandaraya London, England

Nor Haslina, Nur Baeyah, Mohd Adnan, Intan Suzana, Siti Hasnoor, Ismawardy dan Tomo Hardjo, masing-masing terasa seperti mimpi untuk mejejakkan kaki ke luar negara akan menjadi kenyataan. Tapi kami terpaksa bekerja keras untuk pergi kerana semua perbelanjaan ditanggung oleh kami sendiri.

Kami perlu keluar untuk mencari 'sponsor'. Tapi demi keinginan untuk mewakili universiti dan Malaysia, kami berusaha bersungguh-sungguh dari segi latihan dan perbelanjaan untuk ke sana. Kami amat-amat bersyukur kerana pihak keluarga Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Selangor telah banyak membantu dan memberikan sokongan fizikal dan mental kepada kami terutama sekali Pengarah Jabatan, Puan Semaini Pien.

Kami bertolak dari Malaysia pada 13 April 2001 jam 9.00 pagi. Festival bermula pada 16 April 2001. Kami terpaksa mengambil penerbangan awal, SIA kerana jadual penerbangan penuh. Kami bertolak dari KLIA ke Singapura dan Singapura ke London. Perjalanan yang terlalu lama, 13 jam membuatkan kami tak senang duduk di dalam penerbangan. Kami transit di London selama 3 Hari 2 malam dan apa lagi, kami mengambil peluang keemasan ini untuk melawat tempat-tempat menarik di Bandar London.

Kami tiba di Heathrow, London tengah malam 13 April 2001. Kami mempunyai masalah kerana tiada siapa pun yang menjemput kami di sana. Kami menempah bilik hotel daripada airport dan terus ke sana dengan menaiki tube, kenderaan utama penduduk di London. Ianya seperti LRT tetapi semuanya berada di bawah tanah. Kami tersesat juga ketika hendak ke hotel, tapi alhamdulillah, sampai jugak ke Generator Hotel. Mahal beb, RM 175 seorang untuk 2 malam. Disebabkan perubahan masa dan cuaca yang ketika itu, 7 darjah Celsius, kami menghadapi masalah untuk melelapkan mata dan kesejukan, maklumlah di Malaysia siang, di sini malam.

Tapi disebabkan kepenatan yang amat sangat kami terlelap jua. Bangun pagi, perut terasa lapar. Nasib baik kami disediakan sarapan pagi. Almaklumlah, kita ni kan orang Melayu, mana pagi-pagi nak makan cereal dengan susu. Tapi lapar punya pasal, jadi Mat Saleh le jap. Sekali lagi timbul masalah, makanan

semuanya non-halal. Jadi apa lagi, mee maggi dan Brahim 'Ready To Eat Food' yang kami dapat sponsor dari Malaysia sahaja makanan yang kami makan bersama dengan roti. Sabar je le.

Lepas sarapan, kami terus keluar ke Bandar London untuk berjalan-jalan. Cuaca mak oii, sejuk gila. Pakai baju sampai tiga empat lapis. Tak tahan sejuk. Tapi demi peluang keemasan yang tak dapat dilepaskan ini, kami tak kisah. Kenderaan tidak menjadi masalah, cuma bayaran yang dikenakan terlalu mahal. Kami hanya menaiki tube untuk ke sana ke mari. Tapi apabila melihat permandangan kota London, bangunan yang antik dan bas dua tingkat mengamit kami. Cahaya lensa kamera lip lap lip lap mengabadikan kenangan kami.


Tidak lupa juga, kami singgah di Malaysia Hall. Ramai rakyat Malaysia kami temui di sana. Setelah 3 hari tak bertemu dengan nasi, apa lagi, kami terus makan dengan seleranya di satu-satunya Restoran Melayu yang berada di tingkat bawah Malaysia Hall. Puas rasanya. Asyik makan makanan mat saleh aje, mana tahan perut. Layanan mereka kepada kami sungguh baik dan kami telah menjadi seperti satu keluarga. Mereka banyak menolong kami sepanjang kami berada di sana dan jasa kalian tidak akan kami lupukan.



KELETIHAN...Menaiki tube dalam perjalanan dari Airport Heathrow ke Russel Square (tempat penginapan)

(Bersambung di keluaran akan datang)

DARI PUSAT ISLAM



Oleh: Drs. Wan Aminurrashid

KEHADIRAN Rabi'ul Awwal saban tahun disambut meriah oleh umat Islam di serata dunia iaitu dengan mengadakan peringatan atau sambutan Maulidur Rasul SAW

Memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW dengan mengadakan pelbagai acara keagamaan memanglah dinilai sangat positif sekiranya bermotifkan untuk merenung kembali kisah perjalanan hidup, mengenang perjuangan dan risalah yang dibawa oleh baginda untuk tujuan dihayati, seterusnya menyubur dan menanam rasa cinta terhadap baginda yang telah terkorban sepenuh jiwa buat agama Islam dan umatnya.

Sangat hebat sebenarnya orang bersungguh-sungguh kasih dan cintakan Nabi Muhammad SAW, kerana ada pengakuan daripada baginda sendiri iaitu menerusi sabdanya yang bermaksud, "Sesiapa yang kasih kepadaku, aku saying kepadanya, sesiapa yang aku saying kepadanya, ia akan bersamaku di dalam surga".

Kasih dan saying kita terhadap Nabi SAW tidak cukup sekadar ucapan dibibir, tidak cukup sekadar dengan mengadakan ceramah, pelbagai bentuk forum, seminar, marhaban, jamuan-jamuan sebagai meraikan maulidur Rasul. Dari sudut kesanggupan mengadakan majlis mualidur Rasul terkadang kita kelihatan hebat, tetapi apakah penghayatannya sehebat majlis yang diadakan? Mari kita renungkan firman Allah SWT yang bermaksud;

"Katakanlah wahai Muhammad, jika bapa kamu, emak kamu, saudara-saudara kamu, isteri-isteri kamu atau suami kamu, kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah tempat tinggal yang kamu sayangi. Jika semuanya itu lebih kamu saying dan cintai lebih daripada saying dan cinta kamu terhadap Allah dan Rasul dan berjuang demi agamanya, maka tunggulah sehingga Allah menurunkan siksaan terhadap kamu, kerana Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang derhaka" (QS. At-Taubah:24)

Yang perlu dipertanyakan sekarang, betulkah umat Islam akhir zaman ini benar-benar cintakan Rasulullah SAW?, kerana cinta itu terkadang memerlukan pembuktian, dalam erti bukan hanya ucapan bibir semata-mata sebagaimana halnya dengan iman yang memerlukan pembuktian iaitu berupa amal kebaikan. Jika tidak, iman dan cinta kita itu tidak akan diiktiraf oleh Allah dan Rasul-Nya. Marilah kita buktikan ititu apakah benar kita cintakan Nabi SAW dengan merenung beberapa persoalan berikut:-

- Setiap kali nama Nabi Muhammad SAW disebut, adakah kita spontan mengucapkan selawat kepada baginda? Jika tidak kita berat hendak mengucapkannya, itu tandanya kita belum benar-benar kasih pada baginda. Nabi SAW bersabda "Manusia yang bakhil itu adalah orang yang disebut namaku di sisinya, tetapi dia tidak mengucapkan

Ukuran Kecintaan Kepada Nabi SAW

selawat padaku" (HR. At-Turmizi). Sabda baginda lagi bermaksud "Manusia yang paling mulia di hari kiamat adalah yang paling banyak mengucapkan selawat padaku" (HR. At-Turmizi).

- Apakah kita mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan sehari-hari sebagaimana yang telah dicontohkan oleh Nabi SAW sepanjang hidup dan perjuangannya?. Kita sedia maklum bahawa tujuan penting Allah SWT mengutus baginda adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Rasulullah SAW telah mempamerkan ketinggian dan keluhuran akhlaknya sepanjang kehidupannya. Akhlak atau budi pekerti yang telah ditunjukannya itu adalah untuk dicontohi oleh umatnya. Baginda sangat pemaaf, paling taqwa, tekun beribadah, pemurah, rajin sabar, adil, berlemah lembut, malah semua sifat terpuji terkumpul dalam diri pribadi baginda.

Baginda juga diutuskan membasmikan kesesatan dan kejahilan, mengajak orang berbuat baik, menegah berbuat jahat. Pendek kata, ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi SAW yang bersumber daripada Al-Quran adalah untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Maka apakah umat akhir zaman ini mencontohi kemuliaan akhlak Rasulullah yang Allah Yang Allah sendiri nyatakan di dalam Al-Quran yang bermaksud "Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan kebahagiaan hari akhirat, dan dia banyak menyebut Allah" (QS. Al-Ahzab:21)

Jikalau benar-benar kita mencontohi Nabi SAW menerusi penonjolan akhlaknya yang begitu luhur, berpegang pula pada ajaran Islam yang menyeru kita berbuat baik (Ma'aruf) dan mencegah berbuat munkar, maka sudah tentu ramai umat Islam tidak rosak seperti sekarang, di mana keruntuhan iman dan akhlak umat Islam akhir-akhir ini semakin parah.

Lihatlah kemungkaran, maksiat, minum arak, penagihan dadah, buang anak, merosak harta awam, penzinaan, pembunuhan dan berbagai lagi telahpun banyak berlaku di marata tempat. Apa yang berlaku di masa Jahiliyah dahulu nampaknya berulang semula di akhir zaman ini.

Kita mengkhawatir kehidupan generasi akan datang menjadi lebih parah, jika sejak awal lagi tidak diisi dengan didikan keimanan dan akhlak mulia. Segala yang berlaku hari ini sesungguhnya kerana umat Islam akhir zaman ini telah tidak sepenuhnya menjadikan Rasulullah SAW sebagai qudwah atau idola atau pun model terbaik untuk diikuti. Kita lebih diperkenalkan dengan model-model dari barat, para artis dan tokoh-tokoh lain yang mana semuanya itu hanyalah untuk menjahanamkan dan merosakkan peribadi generasi muslim kita.

Beginilah jadinya apabila kita melupakan pesanan Rasulullah yang telah meninggalkan dua pusaka yang paling bernilai harganya sebagaimana sabdanya :

"Aku telah tinggalkan kepada kamu dua perkara, selama mana kamu berpegang teguh kepada keduanya, kamu tidak akan sesat buat selama-lamanya, iaitulah Al-Quran dan Hadis" (HR. Imam Malik).

Jauh dari al-Quran dan Hadis/As-Sunnah menyebabkan ramai manusia sesat. Sesat bermakna menuruti jalan-jalan syaitan, kerana syaitan itu sentiasa mengajak manusia ke arah kejahanan. Ingatlah sabda Nabi SAW bermaksud "Pada penghujung zaman ini, jumlah orang melampau (berbuat kejahanan/kemungkaran) lebih banyak daripada yang baik (kebijakan/amal salih)". Jadi, dalam kesesatan dan keruntuhan akhlak umat seoperti sekarang, dimanakah cinta kita kepada Nabi SAW?

- Untuk dii'tiraf cinta kita kepada Nabi SAW, kita hendaklah meletakkan cinta kepada baginda melebihi cinta kita kepada manusia yang lain. Apakah ini terlaksana dalam kehidupan kita hari ini? Untuk memastikan iman kita sempurna, cintakan Nabi SAW hendaklah melebihi cinta kepada orang lain. Sabda baginda bermaksud "Tidaklah beriman seseorang kamu sehingga aku lebih dicintainya daripada anaknya, ibu bapanya dan manusia seluruhnya" (Muttafaq 'Alaih).

Rasulullah sendiri belum mengi'tiraf cinta Saidina Umar Al-Khattab, kerana Umar meletakkan dirinya sendiri sebagai yang paling dicintai, kemudian baru Rasulullah. Tetapi kemudian Umar menukar pendiriannya, dimana Rasulullah lebih dicintainya dari dirinya sendiri. Maka barulah Nabi SAW mengiktiraf cinta Umar Al-Khattab. Jadi, benarkah kita cintakan Nabi SAW jika hari ini kita lebih banyak meletakkan kasih kita kepada ibu bapa, anak isteri atau lain-lain manusia?

- Bukti cinta kita kepada Nabi selain daripada berselawat dan bershahadah ilah keberanian kita membela dan menegakkan sunnah baginda apalagi ketika sedang berada dalam kelompok umat yang sedang rosak kerana bid'ah, tahlul, khurafat, syirik,, rosak akhlak dan sebagainya. Sabda baginda yang bermaksud "Siapa yang berpegang teguh dengan sunnahku ketika umatku sedang rosak, maka baginya seratus syahid" (HR. Baihaqy). Sabdanya lagi bermaksud "orang yang berpegang teguh dengan sunnahku ketika umatku berselisih, adalah seperti orang yang menggenggam atau memegang bara api" (HR. Al-Hakim).

- Ramai umat Islam membaca Al-Quran. Al-Quran adalah kitab pedoman, penyembuh hati manusia yang sakit, kitab hidayah, panduan hidup bahagia dunia dan akhirat, menjadi insane salih dan terjauh dari kesesatan. Maka, apakah kita mengamalkan

SOAL JAWAB AGAMA

SATU SOLAT GANDA 270 KALI

Soalan 1:

Benarkah sebelum peristiwa Israk Mikraj Nabi SAW mengerjakan solat 50 kali sehari semalam. Kalau benar apakah nama solat tersebut?

Jawapan:

Tidak ada penjelasan daripada para ulamak yang mengatakan Rasulullah SAW solat wajib 50 waktu sebelum Israk Mikraj. Sepanjang yang saya ketahui sebelum itu Nabi SAW mengerjakan solat sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s iaitu dua kali dalam sehari semalam, iaitu solat Subuh dan Maghrib.

Kemudian menerusi peristiwa Israk Mikraj Allah SWT mewajibkan sembahyang 50 waktu. Namun atas saranan Nabi Musa a.s solat yang 50 waktu itu digantikan dengan 5 kali sahaja meskipun pahalanya sama dengan 50 kali.

Memang sungguh berbahagia umat Islam yang mahu mengerjakan solat, kerana bila solat itu dilakukan sekali sahaja pahalanya dilipatgandakan 10 kali. Ini baru solat secara sendirian. Sedangkan jika dikerjakan secara berjemaah maka pahalanya menjadi $1 \times 10 \times 27 = 270$ kali solat.

Alangkah berbahagianya tetapi alangkah kesal serta dukacitanya hati bagi mereka yang membiarkan waktu solat berlalu begitu sahaja.

Sunat Makmum Wanita Sebut "Aamin"

Soalan 2:

Terdapat beberapa makmun wanita yang solat berjemaah dengan maknum lelaki, adakah mereka (jemaah wanita) masih juga dituntut menyebut "Aamin"?

Jawapan:

Ya, masih di sunatkan ke atas maknum wanita menyebut "Aamin" tetapi dengan suara yang rendah kerana suara wanita itu adalah "aurat" sebagaimana yang di sunatkan terhadap mereka agar merendahkan suara di dalam solat yang di sunatkan jahar (nyaring) sekitarnya terdapat kaum lelaki.

Boleh Solat Lepas Asar dan Subuh

Soalan 3:

Di nyatakan bahawa seseorang itu dilarang melakukan solat sesudah solat (fardhu) Subuh dan Asar. Apakah larangan tersebut merupakan umum, dalam erti solat sunat atau solat wajib (solat jenazah misalnya) atau ada pengecualian? Dan terdapatkah perbezaan, misalnya kalau di Mekah diperbolehkan sedangkan di tempat lain tidak boleh?

Jawapan:

Dasar larangan tersebut dapat dilihat daripada hadis Rasulullah SAW bermaksud:

"Tidak ada solat sesudah (solat) Subuh sehingga terbit matahari dan tidak ada solat sesudah (solat) Asar sehingga terbenam matahari" (HR Al Bukhari dan Muslim dari Abu Said Al-Khudri).

Dalam riwayat Al-Bukhari dari Aisyah dinyatakan bahawa Nabi SAW solat dua rakaat sesudah solat Asar di tempat tinggalnya. Yang diterangkan bahawa solat Nabi SAW itu adalah solat sunat Zuhur yang tertinggal. Dengan ini ulamak mengambil pendapat daripada hadis di atas bahawa yang menjadi larangan adalah solat sunat mutlak.

Apabila solat tersebut memiliki sebab-sebab tertentu seperti solat sunat Tasyiatul Masjid (setiap kali masuk masjid), solat jenazah dan sejenisnya maka adalah diperbolehkan.

dari muka 14

Ukuran Kecintaan Kepada Nabi SAW

ajarananya? Mengamalkan ajaran Al-Quran bermakna kita mengamalkan ajaran yang dibawa oleh baginda yang penuh pahit getir berjuang dan berdakwah sehingga kita semua mendapat cahaya Islam dan Iman seperti hari ini. Kita sebagai umat baginda yang pilihan sangat sepantasnya mengikuti segala pesanan dan ajaran yang ditinggalkannya sebagai balasan kepada jasa baik baginda yang telah mensejahterakan kita dan umat Islam. Di sinilah letaknya cinta kita kepada Nabi SAW.

Mengapa akhlak baginda bagitu hebat dan agung? Jawabnya kerana Al-Quran merupakan akhlak baginda, dalam erti Rasulullah menterjemahkan Al-Quran itu dalam kehidupan sehariannya. Maka, jika kita cintakan Nabi, ikutlah ajaran Al-Quran kerana Al-Quran itu dicipta oleh Allah semata-mata untuk kesejahteraan dan keselamatan manusia di dunia dan akhirat.

Hal-hal yang tersebut di atas hanyalah sebahagian daripada pertanyaan untuk membuktikan yang kita ini benar-benar cintakan Nabi SAW. Sebagai kesimpulan, tidak ada erti jika kita hanya berbangga sebagai umat Nabi Muhammad SAW sedangkan kita tidak menjadi penegak kepada syiar yang diajarkannya. Cintakan Nabi tidak bererti kalau sekadar bermain dengan kata-kata sedangkan hati kita tidak menerima atau mengikut ajarannya, malahan perbuatan kita bertentangan dengan ajaran dan akhlaknya, sehingga selepas setiap kali peringatan maulid, tida kesan positif dan penghayatan untuk pembangunan ummah.

Kita sebenarnya merupakan insan paling beruntung kerana menjadi umat Nabi Muhammad SAW. Tetapi keistimewaan dan keberuntungan itu bergantung pada kesediaan kita melaksanakan kebaktian kepada Allah SWT dan kerelaan mengamalkan segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Keistimewaan kita umat akhir zaman yang sungguh-sungguh beriman kepada baginda, pernah diungkapkan dalam satu sabdanya yang bermaksud "Berbahagialah orang-orang yang telah sempat melihat wajaku, lalu ia beriman kepadaku (diucapkan oleh Nabi SAW satu kali; tetapi lebih berbahagia lagi bagi sesiapa yang beriman kepadaku, padahal dia belum pernah melihat wajaku (diucapkan oleh Nabi SAW sebanyak 7 kali)".

Dengan peringatan Maulid tahun 1422H ini, marilah kita menanamkan azam dan kepercayaan yang kukuh lagi murni diiringi oleh perbuatan baik menurut jejak langkah baginda, memakai akhlak dan perilaku baginda, memelihara dan melaksanakan segala ajaran Islam yang telah disebarluaskan oleh baginda, agar kecintaan kita terhadap baginda benar-benar beroleh kesempurnaan dan inilah penentu kejayaan umat Islam yang sesungguhnya dengan mendapat ridha Allah SWT.

BORANG LANGGANAN TP Langganan Hotline - 03-89486101 samb. 4049/4042

Tandakan X pada kotak berkenaan

RM9.60 bagi langganan 1 tahun
RM4.80 bagi langganan 6 bulan
RM2.40 bagi langganan 3 bulan

Langganan mulai keluaran ke

Nama : _____

Alamat : _____

Poskad : _____ Tel : _____

Pekerjaan : _____

*Unit Editorial Tribun PUTRA berhak untuk tidak menyiarkan sebarang permohonan tanpa memberitahu pengirim terlebih dahulu

Sila hantarkan Akhbar Tribun PUTRA kepada saya ke alamat berikut. Bersama-sama ini disertakan Wang pos/cek/No. _____ P.O atas nama "Bendahari UPM-Tribun Putra" di alamat Tribun PUTRA, Canseleri, Bangunan Pentadbiran, Universiti Putra Malaysia, Serdang, 43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan.

•Setiap penyertaan dalam ruangan iklan PUTRA perlulah disertai dengan :

1. Nama pengirim yang lengkap
2. No. kad pengenalan
3. Alamat
4. Telefon

US-JAPAN Nominate UPM Academician

Recently the US-Japan Cooperative Medical Science Program (USJCM-SP) convened "The 6th International Conference On Emerging Infectious Diseases in the Pacific Rim" at the Westin Philippine Plaza Hotel in Manila, the Philippines.

This meeting was the sixth in the series of scientific meetings sponsored by the United States-Japan Cooperative Medical Science Program to explore and discuss the scientific approaches needed to address the problem of emerging and re-emerging infectious diseases.

This was obviously a complex and difficult task. The organizing committee for this meeting has chosen to focus discussion on two topics-bacterial diarrheal diseases and viral zoonotic diseases.

To achieve these focus of discussion, selected

and invited participants in this meeting were asked to participate in one of the two working groups to facilitate this discussion and prepare their report which summarizes their discussions and recommendations for further action.

The key questions for discussion were (1) What collaborative research efforts involving scientist in the region are needed to address the problem of emerging and re-emerging infectious diseases and (2) What steps, if any, are needed to ensure that the research infrastructure in the region can address the need for basic, epidemiological and clinic research; research training; information resources (i.e. Internet Access); research and communication network; disease surveillance and specialized reagents.

Associate Professor Dr. Son Radu from the

Department of Biotechnology, Faculty of Food Science and Biotechnology, University Putra Malaysia was invited as a participant in the discussion group I on the "Enteric Infections in the Pacific Rim: Prospect for Prevention and Control".

This discussion group was co-chaired by Professor John J. Mekalanos (Chairman of Harvard Medical School, USA) and Dr. Haruo Watanabe (Director, National Institute of Infectious Diseases, Tokyo, Japan).

Several plenary lectures were presented such as: Molecular determinants of bacterial pathogenesis (Prof. John J. Mekalanos); Influence of human behavior on emerging infectious diseases: a reference of Japanese Encephalitis (Professor Akira Oya, Emeritus member, National Institute of Infectious Diseases,

Tokyo, Japan); *Helicobacter pylori*; Epidemiology and pathogenesis of malignant disease (Professor Martin Blaser, Chairman, Department of Medicine, New York University School of Medicine, USA); and The Enigma of emerging viral zoonoses in the Pacific Rim (Professor John MacKenzie, University of Queensland, Australia).

Professor Mitsuaki Nishibuchi from Kyoto University, Japan presented a paper entitled "Regional research Collaborations on the Emerging Bacterial Enteric Pathogens in Asia", a collection of data contributed by invited participants from Malaysia, Thailand, Bangladesh, India, Vietnam and Japan.

The invited participants were appointed as experts and focal points in their personal capacity for



The Vibrio cholerae working group. From left Associate Professor (AP) Dr Varaporn Vuddhakul (Thailand), AP Dr Son Radu (UPM), Professor Dr Mitsuaki Nishibuchi (Japan), Prof Dr John J.Mekalanos (Chairman, Harvard Medical School) and Prof Dr I.Karunasagar (India).

continued effort in the surveillance of emerging and re-emerging bacterial enteric pathogens such as *Salmonella* spp, *Vibrio* spp and *Escherichia coli* O157:H7 and non-O157.

The pool of the selected experts were also requested to monitor for the *Shigella* spp which has been noted to be a re-emerging pathogen based on country reports during the discussion. The types of information of interest include the monitoring for antibiotic resistance patterns, virulence characteristics and molecular epidemiology of this pathogens.

Associate Professor Dr. Son Radu and his collaborators from the Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University, Japan (Professor Mitsuaki Nishibuchi) and Prince of Songkla University, Thailand (Associate Professor Dr. Varaporn Vuddhakul) has been awarded a research grant by the US-Japan Cooperative Medical Science Program.

FSAS Utamakan Keselamatan Kakitangan

Oleh: DELL ERSHADE (Pegawai Tadbir FSAS)

KESELAMATAN merupakan satu aspek yang paling penting dalam pengendalian makmal. Sikap dan kesedaran terhadap keselamatan makmal mesti dipupuk kepada semua peringkat pengguna samaada pelajar mahupun kakitangan.

Keselamatan makmal adalah tanggungjawab bersama antara pihak pengguna dan pengurusan dan perlu diberikan perhatian yang serius pada masa ini.

Setiap individu yang terlibat perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang pentingnya menjaga keselamatan dan

sentiasa mengamalkan budaya kerja yang teratur, berdisiplin dan selamat.

Di atas kesedaran betapa pentingnya keselamatan, Jawatankuasa Keselamatan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar telah mengadakan Seminar Kesedaran Keselamatan baru-baru ini bertempat di Putra Environmental Laboratory.

Seminar sehari ini dihadiri 110 pegawai makmal di Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar. Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Akademik), Fakulti Sains dan Pengajian

Alam Sekitar, Prof. Madya Dr. Johari Ramli.

Dalam ucapannya, Dr. Johari menyatakan bahawa tahap keselamatan di dalam makmal boleh ditingkatkan melalui peningkatan kesedaran dan sikap samaada secara pendidikan rasmi atau tidak dengan mematuhi peraturan asas untuk mencegah berlakunya malapetaka.

Tambah beliau tujuan seminar ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada para pengguna makmal tentang cara-cara yang terbaik dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan di dalam makmal yang meliputi beberapa



Dr. Yahya dari Pusat Kesihatan Pelajar menunjukkan kaedah pemulihan kepada peserta seminar

aspek penting yang biasa berlaku semasa melakukan kerja-kerja di dalam makmal.

Kemalangan di dalam makmal, apabila berlaku memerlukan pemikiran dan langkah positif yang berkesan. Ia juga memerlukan penilaian dan kawalan keadaan yang secukupnya sebelum kerja dapat diteruskan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kecemasan.

Sebanyak 3 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut iaitu *Kesedaran Keselamatan Tanggungjawab Siapa?* Oleh Prof. Madya Dr. Elias Saion, *Keselamatan Kimia* oleh Dr. Sidik Silong, *Keselamatan Biologi* oleh Tengku Hanidza Tengku Ismail.

Selain itu seminar ini

juga menjemput Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan untuk satu slot khas iaitu Pencegahan Kebakaran dan Pertolongan Cemas.

Selain daripada pembentangan kertas kerja, semua peserta ditayangkan persembahan video bertajuk *Safety in the General Chemistry Laboratory* dan *Toxic Hazard in Industry*.

MALAM NOSTALGIA P. RAMLEE

...inspirasi mahasiswa UPM dan insan seni



PARA pemenang malam Nostalgia P. Ramlee bersama hadiah masing-masing

ALLAHYARHAM Tan Sri P. Ramlee adalah satu nama yang besar dalam dunia seni tanahair. Setelah 28 tahun pemergiannya, tokoh seniman tersebut sekali lagi diberi penghormatan oleh generasi muda khasnya golongan mahasiswa.

Unit Kebudayaan dan rakan muda IPTA, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Malam Nostalgia P. Ramlee.

Pertandingan yang diadakan pada 17 Jun 2001 bertempat di Panggung Percubaan UPM bertujuan untuk memperkaya dan mengembangkan seni tanahair khasnya seni perfileman dan muzik yang banyak diketengahkan oleh Allahyarham dalam hasil karya beliau.

Penghormatan seperti ini bukanlah sesuatu yang keterlaluan atau untuk memuja seniman tersebut, tetapi untuk mengajak masyarakat terutama generasi muda khasnya pelajar IPTA agar dapat berkongsi dan menghayati perjuangan insan seni seperti P. Ramlee.

Perjuangan beliau bukan sahaja untuk kesenian bangsa malahan turut sama menyimpan mesej perjuangan kehidupan masyarakat didalam setiap karya dihasilkan.

Pertandingan tersebut telah dihadiri oleh beberapa rakan seni allahyarham yang terdiri daripada pelakon dan pelawak terkenal diantaranya Aziz Sattar, Dato' Ahmad Daud dan pencipta lagu yang tidak asing lagi Dato' Ahmad Nawab.

Beberapa buah lagu dendangan dan ciptaan allahyarham telah dipertandingkan pada malam tersebut. Seramai lapan peserta yang terdiri daripada para pelajar UPM menyertai pertandingan lagu-lagu

Oleh: AHMAD FUAD ALWI

P. Ramlee.

Azwan Ibrahim dari Kolej Keempatbelas telah muncul johan diikuti Razid Sahran kedua dan Nurhaili Kamsan tempat ketiga.

Manakala persembahan terbaik dimenangi oleh pasangan Kamaruzaman Mohamad dan Aida Kamrin kedua-duanya dari Kolej Kesepuluh.

Kehadiran Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia Y.B. Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamad, dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Y. Bhg. Dato' Habibah Zon telah menyerikan lagi malam tersebut.

Para pengunjung yang hadir tidak lena apabila dua tetamu jemputan turut mendendangkan lagu seniman agung negara itu. Dr Suleiman dan Timbalan Naib Canselor (HEP), Prof. Madya Dr Idris seolah rasa terpanggil untuk menghiburkan kira-kira 300 penonton.

Dato' Ahmad Nawab pula telah memukau para hadirin dengan tiupan saksofon ajaibnya



JOHAN..Azwan Ibrahim bersama piala yang dimenanginya.



Tn. Hj. Aziz Sattar dirangi Aris Fadhillah antara tetamu jemputan yang hadir memeriahkan pertandingan

memperdengarkan dua buah lagu *Jeritan Batinku* dan *Getaran Jiwa* dan Jabir Tarmizi dari Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah juga berkesempatan mendendangkan sebuah lagu.

Adalah diharapkan bahawa majlis seperti ini akan menjadi inspirasi kepada mahasiswa UPM dan semua insan seni untuk terus berjuang memartabatkan warisan budaya dan masyarakat untuk mencintai kesenian Melayu dan mengenang tokoh-tokoh seni yang berjuang umpama lilin.



TIUPAN "Sax" Dato' Ahmad Nawab masih menyengat



PIKAT...salah satu aksi menarik para peserta di malam pertandingan



Dr. Suleiman Mohamed mendendangkan lagu nyanyian Allahyarham Tan Sri P. Ramlee



TERBAIK...persembahan oleh Kamaruzaman dan Aida berjaya memikat juri

DR. MARZIAH WAKILI MALAYSIA DALAM BENGKEL BIOTEKNOLOGI



Para peserta menyertai formulasi projek di Central Institute of Medicinal and Aromatic Plant Lucknow.

Prof. Dr. Marziah Mahmood dari Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi, Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, UPM telah dilantik oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar untuk mewakili Malaysia menyertai bengkel mengimplementasi program kerjasama bidang Bioteknologi Antara Negara ASEAN dan India pada 25 – 30 Jun 2001 di New Delhi, India.

Bengkel berkenaan diadakan di Institut ternama iaitu Tata Energy Research Institute (TERI). Projek yang diimplementasi ialah "Plant Biotechnology for Crop Improvement and Better Utilization of Natural Resources".

Tajuk subprojek yang telah dikenalpasti oleh Malaysia dalam dokumen bersama yang disediakan tiga tahun dahulu ialah "In vitro secondary metabolite production, conservation and molecular characterisation of some medicinal plants".

Negara yang turut terlibat dalam subprojek ini ialah Filipina dan Thailand. Kerjasama dalam

projek ini ialah dengan sebuah institut terkenal di India iaitu Central Institute of Medicinal and aromatic plants, Lucknow.

Selain menyediakan satu cadangan kepentingan bersama beberapa lawatan ke institut penting yang terdapat di India telah diatur. Negara terlibat telah bersetuju untuk memberi fokus kepada spesies *Artemisia*, dan *Panax*

Aktiviti-aktiviti lain yang akan dijalankan selama tiga tahun akan datang ialah lawatan saintifik, bengkel pemantauan kemajuan projek yang akan diaadakan di Bangkok, Thailand pada tahun 2002.

Semasa di India Prof. Marziah di bawa berpeluang melawat institut penyelidikan bioteknologi termasuk National Bureau of Plant Genetic Resources salah satu agensi bank DNA/tisu yang terbesar di dunia.

Beliau juga telah melawat Indian Agricultural Institute dan University Delhi South Campus dimana aktiviti kajian bioteknologi pertanian dijalankan. Kedua institut ini memang terkenal dan diiktiraf sebagai antara institut termaju antarabangsa.

- mengumpul, dokumentasi, menciri, membuat inventori dan perbankan tisu/DNA
- meningkatkan penghasilan kandungan antioksidan dalam spesies tumbuhan melalui teknik manipulasi *in vitro*.
- meningkatkan proses 'downstream'
- spesies tumbuhan utama yang menjadi ka-

Sebahagian daripada para peserta menyertai bengkel mengimplementasi projek yang diadakan sepanjang program berlangsung.

ASEAN-India Collaboration

Workshop on
"Plant Biotechnology for Crop Improvement and Better Utilization of Natural Resources"
June 25-29 2001
TERI, New Delhi



FAKULTI PERHUTANAN RAI KAKITANGAN CEMERLANG

Oleh: MOHD RUSDY HASAN, Foto: AHMAD FUAD ALWI

KAJANG (TP): Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih kakitangannya dalam satu majlis yang diadakan di Country Height baru-baru ini.

Majlis ini juga bersempena program makan malam Kursus Pedagogi yang dianjurkan oleh fakulti tersebut. Dekan Fakulti Prof. Madya Dr. Rusli Mohd (bekas) telah sudi menyampaikan hadiah dan pingat kecemerlangan pegawai-pegawai fakulti untuk tahun 1999. Di samping itu ia juga sebagai tanda terima kasih kepada Prof Madya Dr Basri yang bersara 18 Februari lalu.

Dalam ucapan itu Dr Rusli juga menyatakan pihak kerajaan telah bersetuju mengenai kursus pedagogi yang pertama kali dianjurkan oleh fakulti. Kursus ini untuk melihat dan mengkaji tahap pencapaian pensyarah-pensyarah fakulti yang menyampaikan ilmu kepada pelajar.

Kursus selama dua hari ini juga menyelitkan sesi Teknikal Inggeris yang



Dr. Rosli (bekas dekan) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pegawai fakulti di atas kecemerlangannya

penting untuk mengendalikan pelajar-pelajar luar negara terutama dari segi komunikasi dan penulisan.

Selain itu Dr Rusli juga menyatakan pihak kerajaan telah bersetuju mengenai kursus pedagogi yang pertama kali dianjurkan oleh fakulti. Kursus ini untuk melihat dan mengkaji tahap pencapaian pensyarah-pensyarah fakulti yang menyampaikan ilmu kepada pelajar.

"Kita berasa bertuah kerana Selangor merupakan negeri pertama meggunakan hutan simpan untuk tujuan penyelid-

ikan. Ini merujuk kepada Hutan Simpan Air Hitam," kata Dr Rusli sebagai memetik ucapan Menteri Besar Selangor baru-baru ini.

Di sebabkan ucapan beliau itu adalah ucapan yang terakhir sebagai dekan fakulti beliau mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan bantuan warga fakulti sepanjang beliau memegang jawatan utama tersebut.

Turut hadir pada majlis itu ialah Dekan Fakulti Perhutanan Universiti Filipina yang juga Presiden APAFRI.

Beri Kerjasama Kepada Pengawal Keselamatan

Timbalan Naib Canselor (HEP) Prof. Madya Dr Haji Idris Abdol menasihati pelajar-pelajar baru supaya memberi kerjasama kepada pengawal-pengawal keselamatan yang menjalankan tugas.

"Pihak keselamatan UPM bukan seronok untuk mengeluarkan saman dan menyusahkan pelajar tetapi para pelajar seolah-olah mencabar mereka untuk melakukan demikian setelah amaran dan nasihat diberikan," kata Dr Idris.

Perkara ini di tegaskan semasa perjumpaan beliau dengan seluruh pengawal keselamatan UPM di Dewan Taklimat baru-baru ini.

Dr Idris berkata pendekatan nasihat dikalangan pengawal keselamatan amat penting dan berkesan. Jika

pelajar-pelajar degil maka tindakan harus dikenakan sama ada melalui pengetua kolej atau terus kepada beliau selaku TNC (HEP).

Sebenarnya, rata-rata pengawal keselamatan yang ditemui berkata mereka tidak suka bertindak untuk menyusahkan para pelajar tetapi para pelajar seolah-olah mencabar mereka untuk melakukan demikian setelah amaran dan nasihat diberikan.

Selain itu segala peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak UPM sebenarnya bukan membebangkan tetapi demi menjaga keselamatan, ketenteraman dan keamanan di dalam kampus.

Dr Idris menambah kemungkinan besar kenderaan pelajar tidak dibenarkan

dalam kampus. Pengurangan peringkat demi peringkat akan dilaksanakan.

Katanya, hal ini penting untuk mengelakkan berlakunya kemalangan akibat daripada pertambahan bilangan kenderaan bermotor dalam kampus dan juga boleh mendatangkan satu suasana kampus yang bersih dari segi kebisingan dan asap kenderaan.

"Dengan siapnya prasarana yang sedang giat dijalankan ini seperti pembesaran jalan raya, pembinaan perhentian bas, sistem pengangkutan yang baik dan tempat letak kenderaan berpusat bakal menjadikan kampus UPM sebagai kampus terbaik dan memberi keselesaan kepada pelajar," katanya lagi.-ABU WAIFIQ

"I dial up faster than a speeding bullet"



"I Click with TMnet"

Milliseconds count. Especially when you're fast enough to count them. That's why I have to click with TMnet. Their fastest lines are running at up to 2Mbps and they're still upgrading their infrastructure. I click with TMnet. It's the one thing I'm not faster than. *For details or to subscribe, click www.tm.net.my, call us at Freephone 1-800-88-1515 or fax us at 03-707 4591.*